Majlis Kebangsaan PertubuhanWanita Malaysia: 50 tahun dalam kenangan

NCWO: 50 Years Remembered

Diterbitkan oleh
Majlis Kebangsaan Pertubuhan
Wanita Malaysia (NCWO)

Isi kandungan disediakan oleh
Ali&Ali Medialinks Sdn Bhd

Terbitan Pertama 2013

Hakcipta terpelihara © 2013 Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia. Tiada bahagian dalam penerbitan ini boleh diterbit, dicetak semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk sama ada melalui elektronik, mekanikal dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis lebih awal daripada NCWO.
Kami boleh dihubungi di alamat:

Majlis Kebangsaan Pertubuhan
Wanita Malaysia (NCWO)
No. 46, Jalan 14/29,
46100 Petaling Jaya, Selangor
Tel: 03-7954 3008

PENDAHULUAN/ FOREWORD
Perdana Menteri/ Prime Minister of Malaysia
Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak 4

PESANAN/ MESSAGES
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat/
The Minister of Women, Family and Community Development
YB Datuk Hajjah Rohani Abdul Karim 6

Yang Di Pertua Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita/
President of the National Council Of Women (NCWO)
Prof. Tan Sri Dato' Seri Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin 8

Perjalanan NCWO
NCWO – The Journey 12

Ibu-ibu Pengasas
The Founding Mothers 34

Yang Di Pertua NCWO
The Presidents 46

Pencapaian
Milestones 50

Perayaan Hari Wanita
Women's Day Celebrated 70

Penyertaan Antarabangsa
International Participation 98

Program dan Aktiviti
Programmes and Activities 126

Melangkah Kehadapan
Looking Ahead 150

Badan-badan Bergabung NCWO
NCWO Affiliates 156

YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak

Perdana Menteri Malaysia

Prime Minister of Malaysia



TAHNIAH, saya ucapkan atas usaha memperkasakan wanita selama setengah abad. Hari ini, dalam merayakan perjuangan yang telah berjalan selama 50 tahun, Majlis Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) boleh mengaku bahawa mereka telah mencipta satu simfoni yang lebih menawan dari music klasik Barat di mana pembukaannya, ialah "gaji saksama untuk kerja serupa". Kerja seni ini telah menghasilkan usaha semasa bagi memuatkan Lembaga Pengarah syarikat tersenarai di Bursa Saham dengan sekurang-kurangnya 30 peratus wanita. Dalam masa 50 tahun yang singkat lanskap gender di arena pekerjaan di negara ini telah berubah hingga ianya tidak jauh berbeza dari apa yang dinikmati oleh negara-negara maju.

Di antara kedua-dua pangkal ruanglingkup ekonomi negara terdapat berbagai pencapaian yang telah meletakkan wanita di tengah-tengah khalayak ramai sebagai ibu dan penjaga untuk menghasilkan masyarakat Malaysia dalam wajah yang ditentukan oleh dasar-dasar kerajaan yang sengit diperjuangkan. Tetapi, yang lebih penting dan amat dialu-alukan lagi oleh kerajaan Malaysia sejak tertubuhnya NCWO sebagai pertubuhan induk NGO wanita selama perjuangan yang berdekad-dekad di seluruh negara, adalah usaha mereka memertabatkan wanita sebagai setengah dari penduduk negara.

Saya mesti mengucap tahniah kepada wanita-wanita yang telah membolehkan terbentuknya NCWO sebagai satu pertubuhan yang memperjuangkan pembangunan wanita dalam arusperdana pembangunan dan dengan itu mendokong usaha-usaha kerajaan. Sememangnya pendekatan perjuangan mereka yang bersifat tidak menentang merupakan lambang yang menjadi lampu pembimbing yang tidak menggugat corak masyarakat. Saya mengalu-alukan penyertaan NCWO dalam aktiviti NACIWID, Majlis Penasihat Negara mengenai integrasi Wanita Dalam Pembangunan, yang telah selama ini membimbing dasar-dasar kerajaan supaya bersifat mesra-wanita.

Kementerian Pembangunan Wanita, Masyarakat dan Keluarga, yang pernah saya teraju buat seketika, merupakan kejayaan kemuncak perjuangan NCWO. Kaum wanita diberi bantuan oleh Kementerian, dalam bentuk latihan dan pinjaman, bagi menyumbang kepada pembangunan ekonomi sebenar melalui perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana. Wanita dan kebajikan keluarga mereka juga merupakan isu yang dititik-beratkan oleh Kementerian. Pendek kata, bukan sahaja wanita Malaysia merupakan sebahagian penting dari pembagunan arusperdana ekonomi , wanita yang telah memilih untuk menjadi suri rumahtangga, terutamanya ibu tunggal, juga dibantu supaya tiada yang ketinggalan dan anak-anak mereka pula tidak hilang dari penampungan modal insan negara.

Untuk semua pencapaian-pencapaian ini, saya amat bersyukur atas kewujudan NCWO selama berdekad lamanya dan saya menabik wanita-wanita istimewa pertubuhan ini.

1 Malaysia "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan"

DATO' SRI MOHD NAJIB

PRIME MINISTER
MALAYSIA

FOREWORD

Congratulations on a well-spent half century of empowering the women of Malaysia. Today, celebrating 50 years of activism, the National Council of Women's Organisations (NCWO) can claim to have composed a symphony more beautiful than the greatest Western classical music with an overture that began in the form of "equal pay for equal work". That work of art has now resulted in the current effort to fill the boardrooms of listed companies with at least 30 per cent women directors. In 50 short years the gender landscape of employment in this country is matching that of the most advanced nations.

In between these two ends of the economic spectrum lies the myriad achievements that have put women squarely in the public sphere as mothers and caregivers to reproduce Malaysian society in the image that public policy is striving to achieve. More importantly, however, the efforts to bestow on women the kind of dignity becoming of one half of the nation is much applauded by the Malaysian government since the NCWO came into being as an umbrella organisation for women's non-governmental organisations throughout the years and throughout the nation.

I must congratulate the women who made the NCWO possible, an activist organisation that works hard to ensure that women form part of the development mainstream and are thus supportive of government's efforts. Naturally, the conciliatory approach that is emblematic of the movement, too, is recognised by the government as nothing less than the beacon guiding it to embrace women in a way that is not hurtful to the social fabric. I give credit to the participation of the NCWO in the activities of NACIWID, the National Advisory Council on the Integration of Women in Development, which has carefully steered government policies to be women-friendly.

The Ministry of Women, Community and Family Development, which I headed for a while, symbolises the crowning success of the NCWO struggle. Women are given a leg up by the Ministry, in the form of training and financing, to contribute to the development of the real economy through small and medium enterprises. Women and the welfare of their families are also the concern of the Ministry. In short, not only are Malaysian women an integral part of mainstream economic development, those who have opted to be full-time caregivers, especially single mothers, are also assisted in a way that they are not left behind and their children lost from the national human capital pool.

For all these achievements, I give thanks for the presence of the NCWO over the decades and take my hat off to the incredible women of the organisation.

1Malaysia "People First, Performance Now"



DATO' SRI MOHD NAJIB

YB Datuk Rohani Abdul Karim

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Minister of Women, Family and Community Development



IZINKAN saya mengucapkan salam hormat kepada Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (NCWO) yang sedang merayakan Jubili Emas mereka dengan begitu meriah kerana pencapaian cemerlang mereka disertai berbagai kejayaan.

Melihat di sekeliling kita dan mengingat kembali keadaan pada zaman awal kemerdekaan Malaysia, wanita telah menjelajah jauh dan kebanyakannya adalah hasil usaha yang tidak berbelah bagi oleh wanita NCWO, yang persatuan-persatuan anggotanya meliputi kesemua aspek kehidupan. Jadi tidak hairanlah kalau ruang awam yang kita kenali hari ini menggambarkan kemajuan wanita seperti yang diperjuangkan oleh pengasas-pengasas NCWO yang berwawasan.

Memang terdapat kepercayaan bahawa "*Apabila kita melabur dalam wanita, kita akan memanfaatkan Negara malahan juga dunia*." Sesungguhnya, di mana wanita diberi pendidikan dan diperkasakan, ekonomi menjadi lebih produktif dan kukuh. Tambahan, di mana wanita diwakili sepenuhnya, masyarakat lebih aman dan stabil.

Oleh kerana wanita merupakan lebih dari setengah dari penduduk dunia, mereka telah diiktiraf sebagai pemacu ekonomi dunia serta juga sebagai pembina sebenar ekonomi dunia. Watak wanita dalam pembangunan ekonomi negara adalah sebagai lebih dari pekerja-pekerja – mereka adalah pengguna, pengusaha, pengurus, pelabur dan pembuat keputusan.

Menurut sebuah makalah Ernst &Young 2012 yang berjudul *Pencapai Cemerlang: Mengiktiraf Kuasa Wanita sebagai Perangsang Kepada Pertumbuhan Perniagaan dan Ekonomi*, adalah dianggarkan bahawa pendapatan global wanita akan meningkat dari US$13 trilion kepada US$ 18 trilion dalam 5 tahun kehadapan, peningkatan sebanyak US$5 trilion iaitu dua kali ganda dari anggaran pertumbuhan GDP China dan India jika dikumpulkan. Laporan Ernst & Young meneruskan dengan kenyataan bahawa 2 syarikat terkemuka di *Fortune 500* yang mempunyai rekod menaikkan wanita ke pangkat yang tinggi, adalah antara 18 peratus dan 69 peratus lebih berkeuntungan dari firma *Fortune 500* pertengahan dalam industri mereka. Ini menunjukkan bahawa apabila wanita berada di jawatan pemimpin kerja-kerja organisasi akan bertambah baik .

Sejarah NCWO menunjukkan kepada saya betapa sesuainya pendekatan pertubuhan ini untuk membawa kemajuan kepada wanita. Sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya berbesar hati mewarisi di antara tanggungjawab saya dinamisma yang saya amat hargai ini, saya merupakan antara perangkaan kejayaan NCWO. Dengan itu saya amat mengalu-alukan peluang untuk bekerjasama dengan wanita-wanita yang tidak mengenal lelah ini bagi menentukan wanita Malaysia akan terus berada sebagai sebahagian penting dari pembangunan arusperdaa Negara. Sementara saya membawa bersama pengalaman dari Kementerian-kementerian lain, tidak ada antaranya yang dapat menandingi bantuan yang saya harap NCWO akan hulurkan kepada saya.

Sekali lagi, saya ucapkan berbanyak tahniah kepada NCWO atas pencapaian mereka yang pelbagai rupa dan saya mengalu-alukan kerjasama dengan mereka yang akan membawa wanita Malaysia mara jauh lagi dalam perjalanan kita ke dunia moden.

DATUK ROHANI ABDUL KARIM



I WOULD like to extend my best wishes to the National Council of Women's Organisations (NCWO) as it commemorates its Golden Jubilee celebrations on a note of high achievement and much success.

Looking around us and remembering how it was when Malaysia first became an independent nation, women have come a very long way as a result of the unstinting efforts of the women of the NCWO, whose affiliates cover almost every aspect of life. The public space that we have today speaks of the advancement of women as fought for by these visionary ladies.

There is always a belief that "When you invest in a woman, you are going to benefit the nation and even the world." Indeed, where women are educated and empowered, economies are more productive and strong. In addition, where women are fully represented, societies are more peaceful and stable.

With women comprising over half of the world's population, women have been recognised as a driving force, as well as the real builders, of the world economy. Women's roles in the economic development of a nation are more than being workers – they are consumers, entrepreneurs, managers, investors, and decision makers.

According to the Ernst & Young 2012 paper titled *High Achievers: Recognising the Power of Women to Spur Business and Economic Growth*, it is expected that women's global income will grow from US$13 trillion to US$18 trillion in the next 5 years, a US$5 trillion increment that is almost twice the expected GDP growth from China and India combined. The Ernst & Young report further states that the top 25 companies in the *Fortune 500* which had the best record of promoting women to high positions, were between 18 per cent and 69 per cent more profitable than the median *Fortune 500* firms in their industry. This shows that women in leadership positions can enhance organisational performance.

The history of NCWO shows me how well suited the organisation's approach is in bringing advancement to women. As the Minister of Women, Family and Community Development, I am pleased to inherit within my purview such dynamism for which I must be thankful; I am part of the NCWO's success statistics. I look forward to working with this organisation of tireless women to further ensure that Malaysian women will remain an essential part of the country's mainstream development. While I bring with me my experience from other ministries, none of it comes near to equating with the assistance that I hope the NCWO will give me.

Once again, I wish to congratulate NCWO for its myriad achievements and I look forward to working with them to take the women of Malaysia farther along the road of modernity.

DATUK ROHANI ABDUL KARIM

YBhg Prof Tan Sri Dato' Seri Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin

Yang Di Pertua Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO)

President of National Council of Women's Organisations Malaysia (NCWO)



LIMA puluh tahun lalu, lapan orang wanita, penuh dengan semangat memperjuangkan hak wanita, telah bergabung untuk membentuk jawatankuasa penaja bagi mewujudkan sebuah pertubuhan induk. Bermula dengan lapan pertubuhan yang didokong oleh wanita-wanita ini, bilangannya telah berkembang menjadi 120. Pertubuhan-pertubuhan anggota tersebut menyentuh setiap isu penting yang menarik perhatian semua wanita Malaysia tanpa mengira kaum etnik, agama dan usia. Boleh dikatakan bahawa ini merupakan misalan cemerlang falsafah 1Malaysia kerajaan, iaitu "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" dari dahulu sampai sekarang.

Saya berbangga kerana telah mewarisi satu sejarah yang begitu megah. Objektif utama pergerakan ini adalah wanita berarak serentak dengan pembangunan negara sebagai sebahagian dari arusperdananya. Dengan itu, sudah tentu agenda kesaksamaan gendernya adalah mengenai mengubah dunia pekerjaan kepada satu yang mesra wanita. Pendidikan berkualiti dan perkhidmatan perubatan yang lebih baik telah diperjuangkan tanpa henti-henti dalam setengah abad yang telah berlalu. Menolak konfrontasi, NCWO telah memujuk dan berunding untuk institusi-institusi yang hari ini melambangkan kejayaan perjuangan tersebut: Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (NACIWID) dan Jabatan Hal Ehwal Wanita (HAWA) yang, pada 2001, berubah menjadi Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.

Atas asas yang begitu kukuh, modal insan wanita sudah tentu bersiap siaga untuk bertugas searus dengan Program Transformasi Negara untuk membebaskan Malaysia dari perangkap pendapatan pertengahan. Dengan adanya kemasukan universiti dengan nisbah 60:40 cenderung terhadap wanita tidak dapat dinafikan bahawa wanita sudah bersedia untuk memenuhi kedudukan 30 peratus sebagai kumpulan pembuat keputusan. Sektor awam sudah pun hampir memenuhi sasaran ini, dasar yang telah diumumkan oleh kerajaan pada 2004 dan kerajaan telah menjelaskan kehendaknya untuk sektor swasta mengikuti jejak yang sama.

Memang banyak telah tercapai di berbagai bidang. Namun, kerja-kerja yang dilakukan oleh NCWO terus bermakna. Kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja yang enggan berganjak dari kadar kurang daripada 50 peratus selama beberapa dekad merupakan saksi kepada usaha yang masih diperlukan.

Saya ingin mengucapkan tahniah pada semua dan juga berharap supaya kerja-kerja murni ini diteruskan.

SHARIFAH HAPSAH


50 years ago eight women, burning with passion for the cause of women's liberation, came together to form the pro-tem committee of an umbrella organisation. Initially eight women's organisations responded to the call of the Committee. That number has since grown to 120. These affiliates cover the whole spectrum of interests that are of concern to Malaysian women irrespective of ethnicity, religion and age. It can be said that it was and still is the shining example of the government's 1Malaysia philosophy of "People First, Performance Now".

As the current President of NCWO, I am proud to have inherited a history of majestic proportions, of women marching in tandem to the rhythm of the country's development as part of its mainstream, a primary objective of the movement. Naturally, therefore, its gender equality agenda was firstly about changing the world of employment making it women-friendly. This became the first of its many goals throughout the half a century of activism. Eschewing confrontation, the NCWO persuaded and negotiated for the institutions that today are emblematic of the success of the struggle: the National Council for the Integration of Women In Development (NACIWID) and the Women's Affairs Department (HAWA) that in 2001 evolved into the Ministry of Women's and Family Development.

On such a solid foundation, there cannot but be the female human capital all ready to work with the country's National Transformation Programme (NTP) to take Malaysia out of the middle income trap. With the current university enrolment skewed 60:40 towards young women there can be no escaping the readiness that would make at least 30 per cent women in decision-making positions a reality. Already the public sector is fast meeting the policy target announced in 2004 and the government has made its wish clear that the private sector follow suit. And, as importantly to note here, a target is not a reason to claim that merit is subsumed. Rather, the need for a target belies organisational obstacles of male ascendancy and intransigent patriarchal structures needing to be properly addressed.

Much has indeed been achieved. All around us women are making informed choices to partake of the myriad opportunities presented by the New Economic Model (NEM). And yet, the work of the NCWO remains vitally relevant. The unyielding nature of the female labour force participation rate (FLFPR) staying put for decades at less than 50 per cent is testimony to that necessity. While congratulations are indeed in order, so too is encouragement to keep up the good work.

SHARIFAH HAPSAH



Buku perlembagaan Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia. Logo di rekacipta oleh Puan Anammah Nadarajah
The NCWO constitution booklet. The logo is designed by Mrs Anammah Nadarajah

VISI

Satu masyarakat yang adil dan bebas daripada diskriminasi di mana wanita di semua peringkat menikmati kesaksamaan melalui penggalakan hak asasi manusia. NCWO terus-menerus menjadi pejuang utama mengadvokasi hak asasi wanita dalam pelestarian dan kemajuan wanita

MISI

NCWO berusaha menyatupadukan persatuan-persatuan wanita dan menjalinkan kerjasama dengan persatuan-persatuan kebangsaan, serantau dan antarabangsa dalam perjuangan untuk:

- Menghormati, melindung dan memenuhi keperluan hak asasi wanita
- Menggalakkan pembangunan dan kemajuan wanita di semua lapisan masyarakat
- Mengadvokasi dan memantau penglibatan penuh serta penyertaan wanita dalam proses membuat keputusan
- Memastikan wanita memperoleh akses yang sama dan menjadi agen serta penikmat pembangunan

NILAI BERSAMA

- Komitment
- Keadilan
- Keamanan
- Bekerjasama
- Perpaduan
- Pemerkasaan
- Kehormatan
- Integriti
- Kebertanggungjawaban
- Ketelusan

VISION

A just society free from discrimination in which women at all levels enjoy equality through the promotion of their human rights. NCWO continues to be the leading advocate of human rights in the sustainable development and advancement of society

MISSION

To unite women's organisations and cooperate with national, regional and international organisations in the commitment to:

- Respect, protect and fulfil women's rights
- Promote the development and advancement of women at all levels
- Advocate and monitor the full participation, inclusion and representation of women in decision making
- Ensure that women have equitable access to and are equal agents and beneficiaries of development

SHARED VALUES

- Commitment
- Unity
- Accountability
- Justice
- Empowerment
- Transparency
- Peace
- Respect
- Collaboration
- Integrity

PENGISYTIHARAN HARI WANITA
WOMEN'S DAY DECLARATION

PADA 25 HARIBULAN OGOS
ON 25 THE DAY OF AUGUST

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani,

Kami atas nama seluruh Kaum Wanita Malaysia dengan persetujuan dan rundingan telah sebulatkata mengisytiharkan 25 haribulan Ogos sebagai Hari Wanita Malaysia.

Kami Kaum Wanita Malaysia mengaku taat setia kami yang tidak berbelah bagi kepada Negara Malaysia ini.

Kami Kaum Wanita Malaysia mengaku sepenuh-penuhnya taat setia kami ke bawah Duli-Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong.

Kami Kaum Wanita Malaysia akan berkhidmat bersungguh-sungguh demi kepentingan Negara Malaysia.

Kami Kaum Wanita Malaysia akan berusaha meninggikan didikan rohani dan jasmani Masyrakat seluruhnya.

Kami Kaum Wanita Malaysia akan berusaha kearah persamaan dan keadilan yang penuh dalam lapangan Siazah, Iktisad dan Masyarakat.

Kami Kaum Wanita Malaysia akan membanting tenaga bersama-sama dengan kaum lelaki untuk membina Keamanan, Kemakmuran dan Persefahaman antara segala bangsa.

Kami Kaum Wanita Malaysia akan mempertahankan Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hah-Hak Asasi Manusia.

Kami Kaum Wanita Malaysia dengan iktisad yang teguh ke hadhrat Tuhan berazam akan menumpukan segala usaha kami berkhidmat demi kepentingan manusia seluruhnya.

Oleh itu hal-hal yang berkaitan dengan perkara yang tersebut diatas akan diselenggarakan dengan seboleh-boleh demi kepentingan Kaum Wanita seluruh Malaysia. Semoga Allah memberikan pertunjuk kepada jalan yang benar

AMIN

Diubahsuai dari teks asal 1962

In the Name of God the Beneficent and the Most Merciful,

We, on behalf of all women in Malaysia, after discussion and agreement, unanimously declare the 25th day of August as Malaysian Women's Day.

We, the women of Malaysia, pledge our undivided loyalty to our country, Malaysia.

We, the women of Malaysia, pledge our full loyalty to Their Majesties, The Yang di-Pertuan Agong and the Raja Permaisuri Agong.

We, the women of Malaysia, will give our utmost service to our nation, Malaysia.

We, the women of Malaysia, will strive to improve the standards of society as a whole, spiritually, educationally, morally and physically.

We, the women of Malaysia, will work towards the achievement of equality and justice in the Political, Economic and Social Fields.

We, the women of Malaysia, will work in cooperation with the men for Peace, Prosperity and Understanding among all races.

We, the women of Malaysia, will uphold the United Nations Charter of Human Rights.

We, the women of Malaysia, with complete faith in God Almighty, pledge to give our service for the benefit of mankind.

In all these things do we pledge to do our utmost on behalf of the women of Malaysia. May God grant us guidance in all our efforts.

AMEN

Amended from the original text of 1962

DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM
(Pengerusi)/(Chairman)

PUAN F.R. BHUPALAN
(Setiausaha Agung)/(Hon. Secretary General)

PERJALANAN NCWO
NCWO – THE JOURNEY



Di perhimpunan Hari Wanita 1972
At a Women's Day gathering in 1972



MAJLIS Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) yang menyambut ulang tahun jubli emasnya tahun ini, pada hakikatnya telah menjalankan kegiatan dalam hampir semua aspek kehidupan, dari buaian ke kerjaya, hinggalah ke liang lahad. Ditubuhkan pada 25 Ogos 1963 selepas dua tahun bergerak sebagai jawatankuasa penaja yang dianggotai lapan wanita berdedikasi tinggi, NCWO menarik penyertaan NGO wanita yang mewakili pelbagai bidang, pelbagai kaum, tidak berpihak kepada mana-mana parti politik atau mewakili agama atau masyarakat tertentu.

Sebagai sebuah organisasi yang berpandangan jauh, ia menyedari betapa pentingnya untuk mempunyai keanggotaan dari kalangan ahli politik wanita dan dengan itu meminda keputusan asal yang tidak menerima keanggotaan sayap wanita parti-parti politik. Kurangnya perwakilan wanita di Parlimen dan Dewan-Dewan Undangan Negeri yang masih berterusan hingga kini menggambarkan ketajaman visi jawatankuasa penaja sebagai pejuang kesaksamaan gender.

Pergerakan hak kewanitaan yang dizahirkan menerusi perjuangan NCWO adalah amat holistik. Sejak awal penubuhannya pada 1960, ketika idea untuk mempunyai sebuah organisasi induk di peringkat kebangsaan untuk perkumpulan wanita di negara ini dicetuskan oleh Persatuan Wanita Muda Kristian (YWCA) Malaya, fokus utama adalah untuk menjadikan wanita sebagai rakan kongsi setaraf di dalam arus pembangunan perdana negara. Impian ini tercipta dan kemudian mengukuh sifatnya selaras dengan pertumbuhan dan pembangunan sebuah negara yang baru bertatih dan kemudian dalam tempoh 55 tahun menjadi sebuah ekonomi yang penting di peringkat antarabangsa.

CELEBRATING its golden jubilee this year, the National Council of Women's Organisations (NCWO) can claim to an activism that affects almost every facet of life, from cradle to career and grave. Established on, 25 August, 1963 after a two year gestation in the form of a pro-tem committee consisting of eight dedicated women, the NCWO drew in women NGOs of many hues: multi-racial, non-political, non-religious and non-communal. A forward-looking organisation, it foresaw the benefit of having women politicians and altered its initial decision not to include women's wings of political parties. The persistent under-representation of women in Parliament and State Assemblies is the rallying point of the pro-tem committee's aspiration for gender equality.

Women's activism as manifested in the NCWO's struggle is most holistic. Right from the very beginning in 1960, when the idea of a national umbrella organisation for women's groups in the country was first mooted by the Young Women's Christian Association (YWCA) of Malaya, the main focus was to integrate women into the national mainstream of development as equal partners. And this dream took form and solidified in tandem with the growth and development of a nascent nation that would in some 55 years become an economy of international significance.



DYMM Raja Permaisuri Agong Tuanku Tengku Budriah Tengku Ismail bertitah merasmikan Hari Wanita di Stadium Negara pada 1963
Her Majesty Tuanku Tengku Budriah Tengku Ismail speaking at the official opening of Women's Day at Stadium Negara in 1963



Pemeriksaan Pembarsian Hari wanita pertama oleh DYMM Raja Permaisuri Agong Tuanku Tengku Budriah Tengku Ismail di Stadium Negara pada 1962, diiringi Datin Fatimah Hashim (Tun)
Her Majesty Tuanku Tengku Budriah Tengku Ismail Inspecting the Guard of Honour on the first Women's Day in 1962, accompanied by Datin Fatimah Hashim (Tun)



Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman berucap di majlis Hari Wanita yang dirasmaikan oleh DYMM Raja Permaisuri Agong Tuanku Tengku Budriah Tengku Ismail pada 1963 di Stadium Negara
Prime Minister Tunku Abdul Rahman speaking on Women's Day at Stadium Negara which was officiated by Her Majesty Tuanku Tengku Budriah Tengku Ismail in 1963





Ahli-ahli berkumpul selepas mesyuarat. Barisan depan dari kiri: Puan Marks, Cik Daisy Leong, Datin Fatimah Hashim (Tun, Timbalan Yang Di Pertua), Puan F.R. Bhuapalan (Setiausaha Agung), Puan Goh Kwee Teng (bendahari). Barisan belakang dari kiri: Zainab Dato' Yeop (yang pertama), Puan M. Navaratnam (ketiga), Puan Elizabeth Varghese (kelima), Puan Das Gupta (ketujuh) and Foo Yoke Choon (kelapan)
Members gather after a meeting. Front row from left: Mrs Marks, Daisy Leong, Datin Fatimah Hashim (Vice President), Mrs F.R. Bhupalan (Hon Secretary-General), Mrs Goh Kwee Teng (Hon Treasurer). Back row from left: Zainab Dato' Yeop is first, Mrs M. Navaratnam (third), Mrs Elizabeth Varghese (fifth), Mrs Das Gupta (seventh) and Foo Yoke Choon (eighth)



Kira-kira 35 pemimpin wanita menghadiri seminar "Peranan Wanita di Masa Hadapan" di Dewan MCA pada 1963. Presiden NCWO Puan Kamsiah Abdul Majid sedang berucap kepada peserta-peserta
About 35 women leaders attending a seminar "The Role of Women in the Future" at the MCA Hall in 1963. President of NCWO Puan Kamsiah Abdul Majid is speaking to participants

Pada 1960, pergerakan wanita tertua di negara ini, YWCA, meluluskan satu resolusi untuk membentuk sebuah organisasi induk yang bertindak sebagai satu badan perundingan dan penasihat. Jawatankuasa Penaja yang dianggotai lapan ahli iaitu Puan F.R. Bhupalan sebagai Pengerusi, Cik Agnes Chow (Setiausaha Kehormat); Puan P Navaratnam (Bendahari Kehormat); Puan PG Lim (Penasihat Undang-Undang Kehormat); Cik Mary Routh Buchanan (Perunding Kehormat); Puan Ranee Eliezer (Perunding Kehormat); Puan Ruby Lee (ahli jawatankuasa dan Puan Kamsiah Abdul Majid (ahli jawatankuasa) mempelawa pertubuhan-pertubuhan wanita menghantar perwakilan untuk menyertai jawatankuasa ini. Lapan pertubuhan berbuat demikian, iaitu:

- Kesatuan Guru-Guru Wanita, Persekutuan Malaya (WTU)
- Persatuan Wanita Muda Kristian Malaya (YWCA)
- Persatuan Kebangsaan Institut Wanita, Persekutuan Malaya (NAWIM)
- Persatuan Jururawat Terlatih Malaya
- Persatuan Pandu Puteri, Persekutuan Malaya
- Majlis Kebajikan Wanita Islam, Persekutuan Malaya
- Persatuan Wanita Asia Tenggara Pan Pasifik (PPSEAWA)
- Kelab Antarabangsa Wanita

Daripada lapan anggota awal ini, hari ini NCWO mempunyai sebegitu banyak persatuan bersekutu yang mewakili kepelbagaian kepentingan, kerjaya, politik dan agama.


The YWCA, the oldest women's movement in the country, passed a resolution for the formation of an umbrella organisation to serve as a single consultative and advisory body in 1960. The Pro-Tem Committee of eight comprising Mrs F.R. Bhupalan as Chairman, Miss Agnes Chow (Hon. Secretary), Mrs P Navaratnam (Hon. Treasurer), Miss PG Lim (Hon. Legal Advisor), Miss Mary Routh Buchanan (Hon. Consultant), Mrs Ranee Eliezer (Hon Consultant), Mrs Ruby Lee (committee member) and Puan Kamsiah Abdul Majid (committee member) invited women's organisations to send representatives to sit on the Committee. Eight responded and they were:

- Women's Teachers' Union, Federation of Malaya (WTU)
- The Young Women's Christian Association of Malaya (YWCA)
- National Association of Women's Institutes, Federation of Malaya (NAWIM)
- The Malayan Trained Nurses Association
- The Girl Guides Association, Federation of Malaya
- The Muslim Women's Welfare Council, Federation of Malaya
- Pan Pacific South East Asia Women's Association (PPSEAWA)
- Women's International Club

From this initial eight, today the NCWO has as many affiliates as there are interests, professions, politics and religious leanings.



Mesyuarat NCWO yang pertama pada tahun 1963 di Kuala Lumpur
The first NCWO meeting in 1963 in Kuala Lumpur



Di Pembarisan Hari Wanita pada tahun 1962
At the Women's Day parade in 1962



Rakan sejawat NCWO, Kesatuan Guru-Guru Kebangsaan, berhimpun untuk persamaan gaji dan kemudahan lain
NCWO affiliate,the National Union of Teachers, rallies for equal pay and other benefits

RUANG LINGKUP AKTIVITI

Memandangkan aktivitinya yang mencakupi ruang lingkup yang begitu meluas, adalah sukar untuk memperkatakan mengenai isu-isu yang diperjuangkan oleh Majlis secara menyeluruh. Di bawah adalah senarai tidak berpenamat yang diharapkan dapat menggambarkan keghairahan, komitmen dan keprihatinan yang menjadi tunjang kepada pergerakan ini.

Pada 25 Ogos 1962, NCWO untuk kali pertamanya menyambut Hari Wanita dengan menganjurkan Seminar Hari Wanita oleh jawatankuasa penaja dan membentangkan satu kertas kerja "Wanita Dalam Sektor Pekerjaan dan Kerjaya" yang dibacakan oleh Pengerusinya. Kertas ini menandakan bahawa perjuangan untuk kesaksamaan gender akan bermula.

Wanita Dalam Bidang Pekerjaan: Gaji Samarata, Status Tetap dan Berpencen

Ketika masih di peringkat jawatankuasa penaja, NCWO telah pun mengemukakan pandangan bahawa wanita tidak menerima hak samarata di tempat kerja kerana kepercayaan meluas di kalangan masyarakat ketika itu bahawa lelaki adalah sumber utama pendapatan keluarga. Oleh itu, wujud jurang di antara upah yang diterima oleh lelaki dan wanita; sesetengah pekerjaan tidak boleh dipohon oleh wanita dan mereka dianggap sebagai sumber tenaga kerja murah. Keadaan ini tidak jauh bezanya dalam sektor perkhidmatan awam, termasuk profesion perguruan, yang mana Kesatuan Sekerja Guru-Guru Wanita diterajui oleh Puan F.R Bhupalan (Datuk). Peluang kenaikan pangkat sangat tipis, dan sangat mendiskriminasi wanita yang sudah berkahwin. Sudah tentu segala-galanya berpunca daripada ketidakseimbangan gender dalam peluang pendidikan dan latihan. Dalam bidang pendidikan, kanak-kanak lelaki diberi keutamaan berbanding kanak-kanak perempuan dan ini memburukkan lagi keadaan di mana kakitangan wanita terpinggir dalam kenaikan pangkat dan peluang-peluang.

Berhadapan dengan isu-isu ini, NCWO berjaya memperjuangkan status tetap dan berpencen bagi wanita dalam bidang pekerjaan. Hasilnya, Akta Pindaan Pencen dilluluskan pada 1968 memberikan hak saksama dalam aspek ini seperti yang dituntut oleh wanita. Kemudian, pada 1972, kejayaan pertama mendapatkan gaji sama rata dicapai apabila Laporan Suffian Mengenai Skim Gaji Samarata Untuk Kerja Samarata dilaksanakan, berkuatkuasa pada tarikh ke belakang iaitu pada 1 Januari 1970. Ini diikuti dengan syor-syor dalam Laporan Gaji Aziz Untuk Profesion Perguruan, yang melaksanakan prinsip Laporan Gaji Suffian. Ekoran daripada itu, NCWO turut menuntut supaya Perkhidmatan Awam dan Diplomatik dibuka untuk wanita yang berkelayakan dan berkemahiran.



Datin Fatimah Hashim (Tun) berucap di perjumpaan Kesatuan Guru-guru Wanita pada 1962 untuk memberi sokongan kepada tuntutan persamaan gaji bagi guru-guru wanita. Duduk di atas pentas ialah anggota exco Kesatuan Guru-guru Wanita (WTU)
Datin Fatimah Hashim (Tun) speaking at the Women Teacher's Union meeting in 1962 to back the demand for equal pay for women teachers. Seated on stage are members of the executive council of the Women Teachers' Union (WTU)

AREAS OF ACTIVISM

Given the width and breadth of its activism, any overview will be hard pressed to cover all issues pursued by the organisation. Below is an inexhaustive list that hopes to demonstrate the commitment, passion and care that underpinned this activism.

On 25 August 1962 NCWO held the first Women's Day celebration with a Women's Day Seminar by the pro-tem committee through a paper on "Women in Employment and Professions" read by its chairman, Datin Fatimah Hashim (Tun) indicating where the struggle for gender equality was to begin.

Women in Work: Equal Pay, Permanency and Pensionable Status

Even while NCWO was still a pro-tem committee, it was pointed out that the pervasive inequality suffered by women at work was mainly due to the prevailing cultural belief that men were the sole breadwinners. Hence there was a discrepancy in wages favouring men; certain jobs were closed to women and women were viewed as a source of cheap labour. Things were not any better in the public service either, including the teaching profession, the Women Teacher's Union of which was headed by Mrs F.R Bhupalan (Datuk). Promotion prospects were dismal, discriminating most against married women. Of course, it all begins with a gender imbalance in education and training opportunities. In education, boys were given preference over girls and these exacerbated the situation where girls missed out on promotion and opportunities.

Faced with these issues, NCWO successfully campaigned for permanency and pensionable status for women in work. As a result the Pension Amendment Act was passed in 1968 giving working women the equality they sought in this respect. Then, in 1972, although retroactive in effect from 1 January 1970, the first breakthrough for equal pay was realised when the Suffian Report's Equal Pay for Equal Work scheme was first implemented. This was closely followed by the recommendations of the Aziz Commission on the Teaching Profession, which applied the principle of the Suffian Salaries Commission. Subsequently, NCWO also pressed for the opening of the Civil and Diplomatic Service for qualified and competent women.



Di Perhimpunan Hari Wanita pada tahun 1965. Diantara dif-dif kehormat ialah Toh Puan Rahah Mohd Noah (Tun), isteri kepada Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussein, Puan Sharifah Rodziah Syed Barakbah (Tun) dan isteri-isteri ketua-ketua misi diplomat di Malaysia
At a Women's Day rally in 1965. Among the VIPs are Puan Rahah Mohd Noah (Tun) wife of the Deputy Prime Minister, Abdul Razak Hussein, Puan Sharifah Rodziah Syed Barakbah and wives of heads of the diplomatic missions in Malaysia



Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Razak Hussein merasmikan pembukaan seminar Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita mengenai Biro Wanita di Maktb Perguruan di Lembah Pantai Kuala Lumpur pada 1963. Bersama diatas pentas ialah pegawai-pegawai NCWO Puan F.R. Bhupalan (Datuk), Datin Fatimah Hashim (Tun), Puan Kamsiah Abdul Majid (Tan Sri), Puan Aishah Ghani (Tan Sri), Datin Uma Sambanthan (Toh Puan)
Deputy Prime Minister Tun Abdul Razak Hussein launches a Women's Bureau Seminar organised by NCWO at the Teacher's College in Lembah Pantai in 1963. On stage are NCWO officials including Mrs F.R. Bhupalan (Datuk), Datin Fatimah Hashim (Tun), Puan Kamsiah Abdul Majid (Tan Sri), Puan Aishah Ghani (Tan Sri) and Datin Uma Smabanthan (Toh Puan)

Wanita Dalam Bidang Pekerjaan: Kesatuan Sekerja
Perjuangan untuk menubuhkan kesatuan sekerja adalah penting kerana dalam industri di mana ramai wanita bekerja, contohnya industri elektronik, gaji yang diterima lebih rendah jika dibandingkan dengan industri yang mempunyai pekerja lelaki. Malangnya, pada ketika itu, kebebasan untuk bergiat dalam kesatuan sekerja adalah terhad, menyebabkan pekerja dalam industri berkenaan tidak bersatu dan lemah. Isu ini, yang berkait rapat dengan kepentingan negara, menuntut kompromi dan hasilnya adalah pewujudan Kod Tatacara Untuk Keharmonian Industri. Dokumen ini ditandatangani oleh Kementerian Buruh (Kementerian Sumber Manusia kini), Persekutuan Majikan dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia yang diwakili oleh Puan John Gurusamy (Dato' Ramani). Intipati kejayaan NCWO terletak pada pentakrifan semula majikan sebagai warga korporat dan syarikat-syarikat patut berusaha mencari 'keseimbangan kewangan' di antara pengeluaran dan peranan mereka sebagai sebahagian daripada "jentera nasional untuk perubahan, kemajuan dan pembangunan sosio-ekonomi".

Wanita dalam bidang pekerjaan: Cukai Berasingan
Satu lagi aspek pekerjaan ialah percukaian. Wanita yang belum berkahwin, yang bekerja sememangnya diberikan layanan sama seperti pekerja lelaki. Bagaimanapun, bagi wanita yang sudah berkahwin, tertakluk kepada taksiran bersama dengan suami, yang mana ia dimasukkan di bawah nama suaminya, dan ini dianggap oleh NCWO sebagai tidak adil dan tidak menghormati mereka sebagai individu. Pada Disember 1973, surat pertama dihantar kepada Menteri Kewangan ketika itu tetapi jawapannya amat mengecewakan. Bagaimanapun, pada 1975, petanda awal bahawa langkah itu tidak sia-sia mula kelihatan. Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1975 memperkenalkan pembaharuan penting yang membenarkan wanita berkahwin membuat pilihan untuk taksiran atas namanya. Pindaan 1978, seterusnya, membenarkan wanita berkahwin ditaksirkan atas namanya sendiri. Hanya dalam Bajet 1991 kerajaan menerima prinsip taksiran berasingan bagi isteri tidak kira dari mana sumber pendapatannya dan untuk menikmati pelepasan cukai yang sama. Percukaian berasingan bagi wanita bekerja disokong oleh hujah serampang tiga mata, iaitu ekonomi, sosial dan moral.

Women in Work: Trade Unions

The struggle for trade unions was important because in industries where women predominate, as in the electronic industry, the pay was low when compared to industries where employees were generally men. Unfortunately, freedom to unionise was then restrictive, which left workers in such industries disorganised and weak. This issue, with its strong national interest character, demanded compromise and the final outcome was a Code of Conduct for Industrial Harmony. This document was signed by the government (Ministry of Labour), The Employers Federation and The Malaysian Trade Union Congress which was represented by Mrs John Gurusamy (Dato' Ramani). The thrust of the NCWO's success lay in the redefinition of employers as corporate citizens and that companies should concern themselves with finding a "financial balance" between production and their role as part of the "national machinery for socio-economic change, progress and development".

Women in Work: Separate Taxation

Another facet of employment is taxation. Single working women were, of course, given the same preferences as working men. Married women, however, were subject to joint assessments with their husbands, where they were subsumed, which was viewed by the NCWO as fundamentally unfair and disrespectful of them as individuals. In December 1973, the first letter to the then Finance Minister was sent but the reply was disappointing. Nevertheless, in 1975, the first signs that the action was not futile emerged. The Income Tax (Amendment) Act 1975 introduced a significant reform henceforward allowing a married woman the option to be assessed in her name. The 1978 Amendment later accorded a married woman this opportunity. It was only in the 1991 Budget that the government accepted the principle of separate assessment for a wife irrespective of where her income is derived from and to enjoy similar tax reliefs. The argument for separate taxation was three-pronged, namely economic, social and moral.



NOT ENOUGH! SAY THE WOMEN

Tax relief for working wives 'far below expectations'

KUALA LUMPUR, Thurs. – Far below expectations –that was how women leaders described Tun Tan Siew Sin's Budget announcement on tax relief for working wives.

The 10 per cent relief for married women earning above $5,000 annually, subject to a maximum relief of $1,000, was hardly the solution to a pressing problem, many of them felt.

The National Council of Women's Organisations, the Women's Section of the MTUC and other bodies had been urging the Government to assess the incomes of husbands and wives separately.

NCWO secretary-general Mrs. F.R. Bhupalan said: "We are most disappointed, particularly since we have a very strong case.

Discrimination

"A married woman cannot be treated differently as her income goes to meet contingencies which would not exist if she stayed at home.

"The Minister's announcement does not amount to much as far as woman are concerned. In

'But this can be seen as the first step...'

Budget reaction: By Unny Krishnan and Tengku Mohamed

30 per cent tax on poultry, Tan Sri Fatimah agreed with the Government since it would protect the local poultry industry.

University of Malaya lecturer, Puan Rafidah Aziz felt that nothing less than equal relief for husband and wife would be satisfactory. Anything short of that was discrimination.

"Irrespective of whether a woman is married or not, she should be assessed as any other tax-payer. Marital status should be of no consequence," she said

Deputy Wanita Umno leader and practising lawyer Cik Marina Yusoff said the additional relief would be helpful to those in the lower-income bracket but not for




IT'S SHOCKING

So say women to the Government's policy of not encouraging wives to work

By JACOB PAUL

KUALA LUMPUR, Fri. — Leaders of women's organisations expressed shock and disbelief today at the Government's policy of not encouraging women to continue working after marriage.

They added that such a policy was "backward" and would have long-term adverse effects on the country.



Our women have come a long way in struggle for equality of the sexes...

Sen. Aishah

Tan Sri Fatimah ... several pleas



Profesor Emeritus Puan Sri Dato' Dr Fatimah Hamid Don

Wanita dan Pendidikan

Pendidikan sememangnya menjadi teras kepada keprihatinan NCWO sejak dari 1960-an. Dalam tempoh itu, NCWO menganjurkan pelbagai seminar dan bengkel yang mana resolusi dan syor-syornya dikemukakan kepada kerajaan dan Kementerian Kewangan dalam bentuk memorandum. Sebahagian daripada isu menumpukan kepada kenaikan pangkat secara automatik, kelas-kelas Bahasa Malaysia, sekolah dua sesi, keciciran pelajar, beban tugas guru, penambahbaikan latihan perguruan dan banyak lagi isu berkaitan, bagi memastikan anak-anak kita mempunyai persekitaran belajar yang baik. Dalam konteks ini, petikan kata-kata mantan Naib Presiden NCWO, Profesor Emeritus Puan Sri Dato' Dr Fatimah Hamid Don, amat sesuai sekali: "Sebenarnya pendidikan lebih condong untuk memberi manfaat kepada sistem dan bukannya kepada individu".

Wanita dan Kesihatan

NCWO mengakui hakikat bahawa system penjagaan kesihatan Malaysia dianggap sangat berjaya. Perkhidmatan kesihatan di luar bandar dan di bandar mendapat pujian meluas. Satu daripada keprihatinan NCWO ialah perlunya ada data berasingan gender bagi membolehkan kita memahami bagaimana penyakit memberi kesan kepada lelaki dan wanita. NCWO juga, menerusi sesi dialog bajet kerajaan, turut menyuarakan kebimbangan mengenai penswastaan sektor kesihatan dan peningkatan kos penjagaan kesihatan yang memberi masalah kepada golongan miskin. Pada 1975, NCWO menyeru agar diwujudkan sebuah hospital wanita untuk mengendalikan penyelidikan dan rawatan pelbagai jenis penyakit berkaitan wanita.

Sebuah lagi jawatankuasa diwujudkan pada 1967 iaitu Jawatankuasa Kesihatan, sekali lagi selepas kerjasama NCWO dengan *International Committee on Women* (ICW). Jawatankuasa Kesihatan berfungsi dengan berkesan dalam menarik perhatian kerajaan terhadap beberapa keprihatinan utama, terutama dalam isu AIDS dan penagihan dadah. Ia bermula pada 1977 dengan Persidangan Mengenai Penyalahgunaan Dadah, yang mana hasilnya adalah kesedaran bahawa isu ini memerlukan usaha bersepadu dari semua sektor dalam kerajaan.

Women and Education

Education had always been the thrust of NCWO's concern from the 1960s. The NCWO conducted seminars and workshops over the years where resolutions and recommendations in the form of memoranda were submitted to the government and the Ministry of Education. Some of the issues focused on were automatic promotion, Bahasa Malaysia classes, improvement of the teaching of English as a second language, size of classes, double-session schools, school dropouts, teachers' workload, upgrading of teacher training and many other related issues, to ensure that our children have a good learning environment. In this context, it is appropriate to quote the then NCWO Vice President, Professor Emeritus Puan Sri Dato' Dr Fatimah Hamid Don who said, "In fact education tends to serve the system rather than the individuals."

Women and Health

The NCWO acknowledges the fact that Malaysian healthcare system is considered one of the success stories in the country. The health service in both rural and urban areas is widely praised. One of the concerns of NCWO is the need for gender disaggregated data in order to understand how diseases affect men and women. The NCWO through the government budget dialogue sessions also expressed concern for the privatisation of the health sector and the rising costs of healthcare which poses problems to the poor. In 1975 NCWO called for the setting up of a women's hospital to deal with research and treatment of various diseases affecting women.

Another committee set up in 1967 was the Health Committee, again after the NCWO's affiliation with the International Committee on Women (ICW). The Committee on Health was effective in bringing to the government's attention several important concerns, especially issues of AIDS and drug addiction. The latter began in 1977 with the Conference on Drug Abuse, the outcome of which was the realisation that here was an issue that required a concerted effort from all sectors of the government.



Berdiri untuk lagu Hari Wanita yang dinyanyikan pada Hari Wanita pada tahun 1972. Di barisan hadapan ialah ketua-ketua wanita termasuk Toh Puan Rahah (Tun, ketiga dari kiri), Datin Fatimah Hashim (Tun, ketiga dari kanan), Tengku Puan Sri Azizah Mohamed, (pertama dari kanan) dan Puan F.R. Bhupalan (Datuk, pertama dari kiri)
Standing up for the Hari Wanita song being sung on Women's Day in 1972. In the front row are women leaders including Toh Puan Rahah (Tun, third from left), Datin Fatimah Hashim (Tun, third from right), Tengku Puan Sri Azizah Mohamed, (first from right) and Mrs F.R. Bhupalan (Datuk, first from left)



Professor Emeritus Fatimah Hamid Don (Puan Sri Dato') di mesyuarat UNESCO di New Delhi, India pada tahun 1965
Professor Emeritus Fatimah Hamid Don (Puan Sri Dato') at a UNESCO meeting in New Delhi, India in 1965



Had umur kahwin: Badan2 wanita alu2 langkah

KUALA LUMPUR, Isnin. — Pertubuhan-pertubuhan wanita hari ini menyokong langkah Jawatankuasa Fatwa Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia menghadkan umur bagi teruna dan dara yang hendak berkahwin.

Yang Dipertua Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia, Tan Sri Fatimah Hashim berkata:

"Kami, kaum wanita memang telah lama memperjuangkan supaya umur bagi seseorang yang hendak berkahwin dihadkan kerana banyak perceraian berlaku."

Katanya: "Perjuangan kami mengenai undang-undang nikah cerai bukanlah hendak menahan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Islam tetapi sesuatu langkah yang di buat hendaklah sesuai dengan hukum Shara'."

Lebih dari satu

"Kaum wanita ingin melihat perceraian tidak berlaku walaupun hukum Syara' Islam mengharuskan kaum lelaki beristeri lebih dari satu," katanya lagi.

Yang Dipertua Persatuan Wartawan Wanita Malaysia, Puan Aziah Aris juga menyokong langkah menghadkan umur berkahwin.

Katanya: "Langkah tersebut patut dilakukan dulu lagi kerana banyak gadis berkahwin semasa usia yang begitu rendah."

"Kebanyakan mereka belum tahu tanggungjawab rumahtangga dan perkara seperti ini menyebabkan keruntuhan rumahtangga."

Masalah besar

Sementara itu, Setiausaha Agung Angkatan Belia Islam (ABIM) yang juga Presiden Majlis Belia Malaysia, Encik Anwar Ibrahim menyatakan soal menghadkan umur bagi mereka yang hendak berkahwin bukanlah masalah besar kerana lanya soal moral masyarakat.

Katanya: "Kita janganlah mengambil berat tentang perkahwinan tetapi mestilah juga memikirangkan mengenai keruntuhan akhlak belia-belia Islam.

"Apa yang penting dalam perkahwinan ialah persefahaman tentang tanggungjawab keluarga mengikut ajaran Islam."

Encik Anwar menyatakan setiap cadangan mengenai perubahan dalam nikah cerai Islam mestilah sesuai dengan ajaran ugama Islam.



Wanita seru undang2 baru nikah-cerai dilaksanakan dengan segera

KUALA LUMPUR, Khamis

WANITA-WANITA di sini menyokong langkah Kerajaan memperketat lagi undang-undang nikah cerai orang Islam.

Mereka menyifatkannya sebagai kena pada tempatnya dan patut dilaksanakan seberapa cepat.

Presiden Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita, Tan Sri Fatimah Haji Hashim, berkata beliau menyokong penuh langkah itu.

Beliau menyatakan, tuntutan wanita dalam hak nikah cerai itu telah lama dibuat oleh Pergerakan Wanita UMNO, ketika beliau masih menjadi Yang Dipertuanya dan Menteri Kebajikan Am dahulu.

"Memang sudah kena pada tempat dan masanya Kerajaan memberi

TAN SRI FATIMAH

Pada hari AIDS Sedunia dalam tahun 1990, Jawatankuasa ini memfokuskan perhatiannya kepada kesan HIV/AIDS terhadap wanita. Ia menyeru kerajaan untuk mendidik masyarakat mengenai isu ini menerusi suatu program yang sistematik yang dapat mencegah merebaknya penyakit ini secara berleluasa. Pendidikan yang terancang dan meluas, menjadi teras utama strategi menentang AIDS yang dicadangkan kepada kerajaan oleh NCWO. Ekoran daripada itu, ia menganjurkan bengkel kebangsaan, "Kesedaran AIDS Di Kalangan Wanita", pada Julai 1991 dengan bantuan Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Ini membawa kepada penubuhan Majlis AIDS Malaysia (MAC) pada Mei 1993. Pada Mei 1993, Malam Mengenang AIDS Antarabangsa diadakan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

NCWO juga memperjuangkan isu-isu kesihatan awam lain seperti kesihatan kanak-kanak, penjagaan kesihatan luar bandar dan bandar, kadar kematian dan penyakit, pusat rawatan pakar dan penswastaan perkhidmatan kesihatan. Pendirian NCWO berhubung isu penswastaan ialah bahawa kesihatan bukan satu komoditi yang boleh dijual beli, tetapi ia adalah hak asasi manusia.

Hak Wanita

Beberapa isu hak membentuk teras perjuangan NCWO untuk wanita. Berteraskan keprihatinannya untuk memartabatkan institusi keluarga dengan perhubungan yang berasaskan kesaksamaan dan kepercayaan, NCWO berjuang untuk menambahbaik undang-undang perkahwinan bagi bukan Islam. Ini mencetuskan penubuhan Suruhanjaya Diraja bagi Perkahwinan dan Perceraian bagi Bukan Islam pada Februari 1970. Bagi pihak Majlis, sebuah jawatankuasa kecil disusun bagi meneliti undang-undang berkaitan agar satu memorandum dapat dikemukakan kepada Suruhanjaya Diraja ini. Memorandum ini menegaskan pendiriannya mengenai monogami.

Satu lagi isu penting bagi NCWO ialah kesengsaraan isteri dan anak-anak yang ditinggalkan oleh suami mereka tanpa membayar nafkah. Dengan mengisytiharkannya sebagai satu hak, NCWO meyakinkan kerajaan untuk memastikan hak ini tidak diragut daripada wanita dan kanak-kanak. Ia juga memperjuangkan isu diskriminasi gender dalam undang-undang hak penjagaan yang menetapkan bahawa seorang ayah sebagai penjaga tunggal bagi seorang anak. NCWO mencadangkan satu pindaan kepada Akta Hak Penjagaan Bayi 1961. Ia memperjuangkan hak penjagaan bersama bagi membolehkan anak yang dipelihara oleh salah seorang daripada ibu bapa yang bermasalah, boleh mendapat perlindungan daripada yang seorang lagi.

On World AIDS Day in 1990, the Committee focused its attention on the effect of HIV/AIDS on women. It called on the government to educate the public on the issue through a systematic programme that would prevent the rapid spread of the disease. Education, well-coordinated with a long reach then, was the thrust of the strategy against AIDS proposed to the government by the NCWO. Following this, it organised a national workshop, "AIDS Awareness for Women", in July 1991 assisted by the World Health Organisation. This led to the formation of the Malaysian Aids Council (MAC). In May 1993, the International AIDS Memorial Night was held at the Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

The NCWO also pursued other general health matters such as children's health, rural and urban health, mortality rates and diseases, centres for specialised treatment and the privatisation of healthcare. The NCWO's stand on the latter is that health is not a commodity to be bought and sold, but rather a human right.

Women's Rights

Several rights issues formed part of the NCWO's struggle for women. Revolving around its concern to maintain the integrity of the family with a relationship of equality and trust, the NCWO fought vigorously to reform the marriage laws for non-Muslims. This resulted in the setting up of the Royal Commission for Marriage and Divorce for non-Muslims in February 1970. On the part of the Council, a sub-committee was organised to scrutinise the relevant laws so that a memorandum can be submitted to the Royal Commission. The memorandum made a strong case for monogamy.

Another matter of great concern to the NCWO was the plight of wives and children of errant men who shirked paying maintenance. Declaring this to be a right, it convinced the government to ensure that this right was not robbed from the women and children. It also took up the matter of gender discrimination in the guardianship law which made the father the sole guardian of a child. It proposed an amendment to the Guardianship of Infants Act 1961. The NCWO advocated for shared guardianship so that a child with one difficult parent can have the protection of the other.



Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali (Tun)



Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali (Tun) di pelancaran kempen kesedaran AIDS
The Prime Minister's wife, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali (Tun) at the launch of the AIDS awareness campaign



CHANGES SOUGHT IN RAPE LAWS

"The present law of evidence has invariably resulted in the rape victim being put on trial and her character and reputation being torn to shreds"

— DPP Gooi Soon Seng.

By MUHARYANI OTHMAN

As it is now clear that stiffer sentences on convicted rapists have not proved deterrent, there is a clamour from all quarters — women's organisations, political bodies and the public — to review the existing laws.

The latest call was made at Universiti Kebangsaan Malaysia's seminar on Law and Society recently, which discussed why changes should [illegible] tion, ironically from the very process which she has turned to for redress.

It says that whilst one appreciates the dangers of an innocent man falling victim to false charges of rape, it has to be borne in mind that such false charges can equally be made of any other offences under the Penal Code or other criminal statutes. Yet the requirement under section 155 (d) has not been ex-

□ A group of people demonstrating against rape in Jalan Ipoh in May following the murder-cum-rape of nine-year-old schoolgirl Ang May Hong.



Women against rape, domestic violence

By MUHARYANI OTHMAN

IT is almost three years since the National Council of Women's Organisations (NCWO) submitted a memorandum to the Government calling for reforms to the rape laws and for the enactment of a Domestic Violence Act. Nothing has been done so far.

Hence, the present Joint Action Group is stepping up its campaign against rape and domestic violence to create greater public awareness and ensure support for the reforms.

The JAG comprises All Women's Action Society, Association of Women Lawyers, Women's Aid Organisation, Shelter — Home for the Homeless, Universiti Hospital's Intervention of Sexual Assault and Molestation (Insaan) unit and concerned individuals.

From this Saturday to next Wednesday, the JAG is holding a public exhibition on rape and domestic violence with the theme Reder-

Ms Ivy Josiah ... one of the campaign co-ordinators.

and children throughout the country.

"They can write to the newspapers, talk to their Members of Parliament and ask for their support, and also talk to their friends and colleagues."

morandum to the Minister of Justice. Among others, the memorandum calls for amendments to the provisions in the Evidence Act so that the past sexual history of the woman in a rape case other than that with the accused will be made inadmissible as evidence "of a generally immoral character".

It seeks for the age for statutory rape be increased from 14 to 16, rape trials be held in camera, a minimum penalty of five years' jail and five strokes of the rotan be imposed for rape cases, and the definition of rape to include penetration of the anus and also the penetration of objects into the vagina without consent.

The NCWO's memorandum's proposal to enact a Domestic Violence Act is that at present there is no such Act or laws that will help protect battered spouses and children.

The proposed Act will empower the courts to issue a protection order which in-[illegible]



Naib Yang di Pertua (zon Utara) Datin Elizabeth Devraj menyampaikan ceramah celik undang-undang dalam kempen Akta Keganasan Rumah Tangga in Pulau Pinang
Vice president (North Zone) Datin Elizabeth Devraj addressing a legal literacy campaign on the Domestic Violence Act in Penang

Aspek kewarganegara juga diperjuangkan oleh NCWO kerana seorang wanita asing yang mengahwini lelaki Malaysia boleh menjadi warga negara suaminya, tetapi tidak bagi lelaki asing yang mengahwini wanita tempatan. Dia terpaksa kembali ke negara asalnya, menyebabkan wanita Malaysia yang mengahwininya berpindah negara.

Masalah yang dihadapi wanita Islam adalah satu lagi isu, yang walaupun sensitif, tetapi tidak boleh diketepikan. Dengan kerjasama Hal Ehwal Wanita (HAWA), NCWO mendesak diwujudkan Mahkamah Keluarga Islam dan pembaharuan undang-undang perkahwinan Islam. Hanya selepas usaha bersepadu selama beberapa tahun, barulah Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) diperbadankan dan meliputi isu-isu poligami, perceraian, nafkah dan pembahagian harta selepas perceraian.

Dalam usaha memertabatkan hak wanita, NCWO berharap untuk mengekalkan kemurnian institusi keluarga supaya negara boleh terus berkembang maju dan rakyatnya teguh.

Keganasan Terhadap Wanita: Rogol dan Keganasan Rumahtangga

Penderaan, layanan kejam dan menghina yang ditanggung oleh sesetengah wanita bukan sahaja dianggap sebagai pelanggaran hak asasi tetapi sebagai isu yang tergolong dalam ruang lingkup peribadi serta tidak layak dijadikan polisi dan tanggungjawab kerajaan. Menyedari akan keadaan ini, NCWO dan perkumpulan wanita lain berasa terpanggil untuk menarik perhatian umum. NCWO, sebagai persediaan ke arah Persidangan Wanita Sedunia Ketiga Bangsa Bersatu yang akan diadakan di Nairobi pada Julai 1985, menganjurkan bengkel dua hari untuk mengenal pasti undang-undang yang mendiskriminasi terhadap wanita. Sejumlah 45 organisasi wanita menyertai bengkel ini yang mengenal pasti lapan perundangan yang memerlukan pembaharuan. Paling utama ialah rogol dan perlunya Akta Keganasan Rumah Tangga (DVA).

Satu memorandum dirangka bagi mengemukakan ruang lopong di dalam undang-undang, termasuklah mengadakan draf Akta Keganasan Rumah Tangga. Memorandum ini dikemukakan kepada kerajaan pada 1985. Harus disebut bahawa NCWO memainkan peranan yang sangat strategik dalam meningkatkan kesedaran mengenai rogol dan kempen tegarnya selama empat tahun akhirnya mendapat sokongan Majlis Peguam. Pada 1989, rangsangan yang diwujudkan oleh pembaharuan yang dilaksanakan pada 80-an dan 90-an yang mana NCWO berperanan penting, menyaksikan perubahan-perubahan berkaitan jenayah rogol, diluluskan di Parlimen.

Citizenship was also championed by the NCWO because a woman married to a Malaysian male can acquire the nationality of her husband, but not so the foreign husband. He will be forced to return to his country, which ends up with the Malaysian wife having to follow her husband.

The plight of Muslim women was another matter that, though sensitive, cannot be ignored. Working with HAWA, the NCWO pressed for the formation of a Family Court for Muslims and a reform of marriage laws for Muslims. It was after years of concerted effort that the Islamic Family Law (Federal Territory) Act 1984 was legislated for and covered issues on polygamy, divorce, maintenance and division of assets upon divorce.

In seeking to uphold the rights of women, the NCWO hoped to keep the family institution intact so that the country can be progressive and the nation strong.

Violence against Women: Rape and Domestic Violence

Abuse, cruel and degrading treatment suffered by women were not only perceived as violations of human rights but as issues belonging to the private sphere and not worthy of state policy and obligation. Having cognizance of this, NCWO and other women's groups felt compelled to draw public attention to this. NCWO, as preparation for the UN Third World Conference on Women to be held in Nairobi in July 1985, organised a two-day workshop to identify laws that discriminate against women. A total of 45 women's organisations participated in the workshop which identified eight pieces of legislation needing reform. Uppermost were rape and the need for a Domestic Violence Act (DVA).

A memorandum was drafted highlighting the gaps in the law, including a draft law on Domestic Violence Act. The Memorandum was presented to the government in 1985. It must be said that NCWO played a very strategic role in promoting awareness on rape and its four-year intense campaign was finally supported by the Bar Council. In 1989, the impetus provided by reforms in the 80s and 90s in which NCWO played a pivotal role saw changes adopted in Parliament with regard to rape. Since these reforms the women's groups in Malaysia have carried on the campaign to monitor the implementation of the laws pertaining to violence against women holding the government and all its agencies accountable.

MENGINSTITUSIKAN KESAKSAMAAN GENDER

Secara strateginya, tidak sukar untuk mengesan paradigma NCWO dalam perjuangan pergerakan wanita: ia menegaskan pendiriannya dalam setiap bidang dan setiap peringkat pembikinan keputusan yang memberi kesan negatif kepada wanita, secara kerjasama dengan pelbagai pihak. Pada satu peringkat, ia bertindak sebagai jambatan di antara NGO wanita dan kerajaan. Pada peringkat yang lain pula, ia menyaluarkan maklumat dan data yang diperlukan oleh pembuat keputusan menerusi pembabitan peringkat tertinggi menerusi perwakilan dalam jawatankuasa-jawatankuasa yang akan menentukan bagaimana wanita boleh menjadi sebahagian penting dalam arus perdana Malaysia.

Menerusi pendekatan serampang dua mata ini, NCWO, di peringkat yang lebih luas, merundingkan penubuhan institusi-institusi wanita: Biro Wanita, jabatan kerajaan yang khusus mengenai hal-ehwal wanita; majlis perundingan kebangsaan yang bertujuan memandu polisi kerajaan berhubung pembabitan wanita dalam pembangunan; dan sebuah kementerian khusus untuk memperdanakan aliran wanita ke dalam pembangunan negara serta menjamin kebajikan mereka terpelihara.

Majlis Penasihat Wanita – NACIWID

Idea yang mula dicetuskan pada 1966 ini menjadi realiti 10 tahun kemudian, setahun selepas sambutan Tahun Wanita Antarabangsa PBB. Dinamakan Majlis Penasihat Kebangsaan mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (NACIWID), ia bertanggungjawab secara langsung kepada Perdana Menteri. Pada awalnya ia dirancang untuk menjadi sumber informasi mengenai wanita yang akan memaklumkan mengenai semua polisi awam. Ia mengambil masa yang lama sebelum Majlis ini mempunyai struktur sokongan yang rasmi bagi membolehkannya berfungsi secara berkesan.

NACIWID dianggotai perwakilan dari semua kementerian dan organisasi yang prihatin terhadap peluang pekerjaan untuk wanita serta semua persoalan berhubung status wanita. Ia berperanan memberi nasihat dan membuat syor-syor konkrit kepada kerajaan berhubung semua perkara yang memberi kesan terhadap wanita. Selain menjadi badan penyelaras dan penasihat mengenai penyertaan wanita dalam pembangunan, ia juga bertindak sebagai pelindung kepada proses integrasi wanita dalam pembangunan. Dalam hal ini, pertamanya ia berusaha untuk memaksimumkan penyertaan wanita dalam pembangunan, dan kedua, membangunkan kesedaran mengenai potensi wanita sebagai suatu sumber dalam pembangunan dan perkembangannya.



Mesyuarat Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (NACIWID) pertama pada 1976
The first meeting of the National Advisory Council for the Integration of Women in Development (NACIWID) in 1976







Dato' Dr Siti Zaharah Sulaiman, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat berjumpa dengan Datin Fatimah Hashim (Tun). Bersama mereka adalah ahli-ahli NCWO termasuk Puan Ramani Gurusamy (Dato') dan disebelah kanannya Datin Fauziah Ramly
Dato' Dr Siti Zaharah Sulaiman, Minister of National Unity and Community Development meets Datin Fatimah Hashim (Tun). With them are NCWO members including Mrs Ramani Gurusamy (Dato') and Datin Fauziah Ramly

INSTITUTIONALISING GENDER EQUALITY

Strategically it is possible to discern a kind of NCWO paradigm for feminist activism: it would have its say in every area and level of decision-making that affects women adversely through cooperation. At one level it acts as a conduit between women's NGOs and the government. At another level it feeds the information and data needs of decision-makers through its highest level participation with representatives sitting on committees that would determine how women is to be made an essential part of mainstream Malaysia.

In a two-pronged approach, the NCWO, at a more macro level, negotiated for the formation of feminist institutions: a Women's Bureau, a government department dedicated to women's affairs; a national advisory council intended to guide government policies vis-a-vis women in development; and, a ministry dedicated to mainstreaming women into the development of the country and to guarantee their welfare.

The Women's Advisory Council – NACIWID

First broached in 1966 it became a reality 10 years later, a year after the UN International Women's Year. Named the National Advisory Council on the Integration of Women in Development (NACIWID) it was made directly responsible to the Prime Minister himself. It was to be the font of information on women that will inform all public policies. It was not until much later that the Council had a formal support structure that would give it greater effectiveness.

NACIWID comprised representatives of all Ministries and organisations concerned with the employment of women as well as questions affecting the status of women. It was to advice and make concrete recommendations to the Government on all matters which had a bearing on women. On the one hand, it is a coordinating and advisory body on the participation of women in development. On the other, it acts as a custodian of women's integration in development. In this respect, firstly, it is to strive to maximise participation of women in development and, secondly, to develop the awareness of women's potential as a resource in development and its utilisation.



Di majlis yang dianjur oleh NCWO untuk Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang baru, Dato' Napsiah Omar (Tan Sri) pada tahun 1990
At a reception organised by NCWO for the new Minister of National Unity and Community Development, Dato' Napsiah Omar (Tan Sri) in 1990



Tan Sri Zaleha Ismail (kanan) yang juga Yang Di Pertua NCWO sedang berbual dengan ketua-ketua tertinggi wanita, Tan Sri Siti Norma Yaacob (mantan hakim Mahkamah Persekutuan, kedua dari kiri), Dato' Mohaiyani Shamsudin (ahli korporat, ketiga dari kiri) dan Dato' Prof Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin (Naib Canselor UKM, kiri)
Tan Sri Zaleha ismail (right) who is also NCWO President chats with top women leaders Tan Sri Siti Norma Yaacob (former Federal Court judge, second from left), Dato' Mohayani Shamsudin (corporate leader, third from left) and Dato' Prof. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahbuddin (Vice-Chancellor UKM, extreme left)

Biro Wanita

Satu entiti yang penting kepada perjuangan wanita dalam jentera kerajaan ialah Biro Wanita. Walaupun idea penubuhannya dikemukakan lebih awal daripada Majlis Penasihat, iaitu pada 1964, ia hanya menjadi kenyataan pada 1993 apabila Sekretariat Hal-Ehwal Wanita, HAWA, diwujudkan. HAWA diletakkan di bawah Bahagian Pentadbiran dan Kewangan di Jabatan Perdana Menteri dan ketika itu diterajui Timbalan Menteri, Dato' Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Ia bekerjasama erat dengan NCWO untuk memenuhi tanggungjawabnya bagi mencapai dua matlamat. Pertama, menggalakkan penyertaan wanita dalam proses pembangunan dan, kedua, memastikan wanita diintegrasikan ke dalam pelan pembangunan nasional menerusi penyediaan peluang-peluang sama rata dan kemudahan yang mencukupi. Ia juga bertindak sebagai Sekretariat untuk NACIWID serta rangkaian bironya yang meliputi semua aspek kehidupan, antaranya Keluarga dan Kesihatan, Media, Politik dan Undang-Undang.

Dasar Kebangsaan Mengenai Wanita

Pada Disember 1989, kerajaan menerimapakai cadangan Dasar Kebangsaan Mengenai Wanita. Ia dikemukakan bersama Memorandum NCWO mengenai Dasar Kebangsaan Mengenai Wanita, yang mana beberapa perkara penting yang dibangkitkan turut dimasukkan ke dalam polisi berkenaan. Antara yang utama ialah seruan NCWO supaya HAWA dinaiktaraf menjadi sebuah kementerian. Tidak kurang pentingnya juga ialah ruang lingkup aspek-aspek yang digariskan dalam memorandum itu mencerminkan skop tugas ahli-ahli gabungannya. Dokumen itu meliputi jentera nasional; kesihatan; pendidikan dan latihan; perundangan; ekonomi dan pekerjaan; politik dan kepemimpinan; media; agama; kebudayaan; keganasan terhadap wanita; dan perpaduan nasional. Kesemuanya, kecuali dua yang terakhir; telah terkandung di dalam dokumen NACIWID. Ini adalah petunjuk yang jelas mengenai betapa relevannya tugas NCWO terhadap kemajuan wanita Malaysia.

The Women's Bureau

Of immense importance to the women's cause is the Women's Bureau within the government machinery. Though the idea was put forward earlier than the advisory council, in 1964 to be exact, it was not achieved until 1983 with the setting up of HAWA, the Secretariat for Women's Affairs. HAWA was placed under the Administrative and Finance Division of the Prime Minister's Department and was headed by Deputy Minister Dato' Dr Siti Zaharah Sulaiman.

It worked closely with NCWO to meet its obligations in the shape of a two-fold objective. Firstly, it is to promote the participation of women in the development process and, secondly, to ensure that women are integrated into the national development plans through the provision of equal opportunities and adequate facilities. It acted, too, as the Secretariat for NACIWID and its extensive bureaux covered all aspects of life such as Family and Health, Media, Politics and Law to name but some.

National Policy on Women

In December 1989, the government adopted a proposed National Policy on Women. To it, was appended the NCWO's memorandum on the National Policy on Women, some salient points of which were included in the Policy itself. The most prominent was the NCWO call for HAWA to be upgraded to ministerial level. No less important is the breadth of areas covered by the memorandum reflecting the scope of work of its affiliates. The document covered national machinery; health; education and training; the law; economy and employment; politics and leadership; media; religion; culture; violence against women; and national unity. All, bar the last two, were contained in the NACIWID document. This is a clear indication of the relevance of NCWO's work to the advancement of Malaysian women.



Menteri Wanita dan Pembangunan Keluarga Dato' Sri Shahrizat Jalil berdiri bergambar dengan ketua NCWO. Dari kiri, Dato' Prof. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin (Tan Sri), Puan Faridah Khalid (Dato'), Puan Ramani Gurusamy (Dato') dan Datin Paduka Zaleha Ismail (Tan Sri)
Minister of Women and Family Development Dato' Sri Shahrizat Jalil poses with NCWO leaders. From left: Dato' Prof. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahbuddin (Tan Sri), Puan Faridah Khalid (Dato'), Mrs Ramani Gurusamy (Dato') and Datin Paduka Zaleha Ismail (Tan Sri)



Menteri Wanita dan Pembangunan Keluarga, Dato Sri Shahrizat Jalil menemui peserta-peserta wanita. Puan Rasamani Kandiah berpakaian hitam
Minister of Women and Family Development Dato' Sri Shahrizat Jalil meets with women participants. Ms Rasamani Kandiah is in black

Kementerian Wanita

Mahkota idaman bagi pergerakan wanita peringkat kebangsaan sudah pastinya adalah penubuhan sebuah kementerian yang khusus menjaga hal-ehwal wanita. NCWO menekankan perlunya ada sebuah Kementerian Wanita yang bekerjasama erat dengan kementerian-kementerian lain untuk menerapkan perspektif wanita ke dalam setiap isu, agar semua polisi awam mengambil kira kepentingan wanita. Pada 2001, di bawah kepemimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad, impian ini akhirnya terlaksana apabila Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga ditubuhkan dengan Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil menjadi menterinya yang pertama.

Hari ini, 50 tahun telah berlalu, NCWO kekal sebagai pemacu yang terus relevan kepada kemajuan wanita di seluruh Negara. Hakikatnya, masyarakat bandar kontemporari Malaysia tiada bezanya dengan masyarakat di kebanyakan negara maju. Wanita menjadi "boss" bukan lagi sesuatu yang pelik, dengan hampir satu pertiga pengurusan di sector swasta diterajui wanita. Sejak 2004, sasaran untuk mempunyai 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan turut menjadi polisi kerajaan. Kini, sasaran di sektor swasta ialah untuk mempunyai kadar yang sama dalam senarai lembaga pengarah, dan ia mungkin dicapai tidak lama lagi. Semua ini adalah hasil perjuangan sebuah organisasi yang lahir untuk menuntut gaji saksama, 50 tahun lalu.

Ia kini sebuah pertubuhan induk yang mana isu yang diperjuangkannya amat meluas dan begitu banyak, sepertimana banyaknya badan gabungannya; meliputi bidang yang berbeza-beza seperti HIV/AIDS, pornografi hinggalah ke kemudahan kredit dan keusahawanan. Dari percukaian dan pelaburan asing hinggalah ke hak asasi manusia dan perundangan; wanita bandar dan luar bandar hinggalah ke kanak-kanak, hak penjagaan, rogol dan keganasan rumah tangga.

Berasaskan visinya yang jelas iaitu memastikan wanita berada dalam arus perdana menerusi polisi pembangunan nasional, NCWO sentiasa menyokong inisiatif kerajaan dengan tujuan menerapkan agenda wanita ke dalam semua polisi awam. Paling mutakhir ialah memastikan pembabitan wanita di dalam Dasar Transformasi Nasional (NTP), yang mengandungi Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP). NCWO berpandangan bahawa wanita adalah ejen kepada semua bentuk transformasi ini. Lebih daripada itu, memandangkan pentingnya Model Ekonomi Baru (NEM) kepada kejayaan NTP, Majlis menganggap wanita sudah bersedia dan mampu menangani cabaran serta menyumbang kepada kemajuan negara dalam rangka NEM dengan untuk mencipta ekonomi baru.

The Women's Ministry

The jewel in the crown of the national feminist activism was, of course, a ministry for women's affairs. The NCWO stressed the need for a Women's Ministry that would work closely with other ministries to inject the women's perspective into every issue, liaising intimately to feminise all public policies. This last building block came into being in 2001 under the premiership of Tun Dr Mahathir Mohamad. Datuk Sri Shahrizat Jalil was to become Malaysia's first Women's Minister.

Today, 50 years on, the NCWO remains a relevant force in the advancement of women throughout the country. Indeed, contemporary urban Malaysia is no different from the most advanced societies. Women bosses have long lost its novelty, with the private sector management already a third feminised. Having 30 per cent women decision-makers in the public sector has been a government policy since 2004. Now it is also a private sector objective for its Board Rooms, to arrive at its target sooner rather than later. This is but a natural outcome for an organisation that came into existence on the struggle for equal pay.

That it is an umbrella organisation determined the breadth of issues embraced by the Council making it as wide ranging and as numerous as its affiliates: covering such disparate areas as HIV/AIDS, pornography at one end through to credit facilities and entrepreneurship at the other; from taxation and foreign investments through to human rights and laws; rural and urban women through to children, guardianship, rape and domestic violence.

Always true to its vision of mainstreaming women into national development policies, the NCWO without fail supports the government's initiatives so as to integrate the women's agenda within all public policy shifts. The latest is to ensure women's involvement in the National Transformation Policy (NTP), which comprises the Economic Transformation Programme (ETP) and the Government Transformation Programme (GTP). The NCWO views women as agents of this transformation. And, too, given the importance of the New Economic Model (NEM) to the success of the NTP, the Council regards women as ready and able to meet the challenges faced and to contribute to the country's progress within the NEM by availing themselves of the opportunity to create new economies.



Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, isteri Perdana Menteri, diiringi ke Dewan untuk Jamuan Makan Malam Hari Wanita oleh Dato' Sri Shahrizat Jalil dan Prof. Tan Sri Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin
Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, wife of the Prime Minister being accompanied to the hall for a Women's Day dinner by Dato' Sri Shahrizat Jalil and Prof. Tan Sri Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin



Prof. Tan Sri Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin bersama Dato' Dr Noorul Ainur Mohd Nur (Ketua Setiausaha Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat) dan Tan Sri Rafiah Salim (Ketua NIEW)
Prof. Tan Sri Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin with Dato' Dr Noorul Ainur Mohd Nur (Secretaty General of the Ministry of Women, Family and Community Development) and Tan Sri Rafiah Salim (Head of NIEW)



Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Harjeet Singh dan isterinya Datin Amreeta Kaur disambut oleh Dato' Faridah Khalid apabila mereka tiba di majlis NCWO
The Deputy Secretary General of the Ministry of Women, Family and Community Development Dato' Harjeet Singh and his wife Datin Amreeta Kaur being greeted by Dato' Faridah Khalid on arrival at a NCWO function

IBU-IBU PENGASAS
FOUNDING MOTHERS



Ibu-ibu pengasas NCWO bersama Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Razak Hussein. Dari kiri: Puan Ruby Lee (Datin Paduka), Puan Rasamah Bhupalan (Datuk) dan Puan Kamsiah Abdul Majid (Tan Sri Datin)
NCWO Founding Mothers with Deputy Prime Minister Tun Abdul Razak Hussein. From left: Mrs Ruby Lee (Datin Paduka), Mrs Rasamah Bhupalan (Datuk) and Puan Kamsiah Abdul Majid (Tan Sri Datin)

Tan Sri Datin Hajah Kamsiah Abdul Majid



APABILA memperkatakan mengenai isu-isu wanita dan pembangunan, nama Tan Sri Datin Hajah Kamsiah Abdul Majid sentiasa menjadi sebutan kerana kecekalan, semangat membara dan dedikasinya terhadap kerja kesukarelawanan.

Sebagai seorang daripada perintis aktivis wanita, Kasmiah yang juga dikenali sabagai Kamsiah Ibrahim (nama suaminya) menghabiskan 60 tahun dari usianya menyokong pembangunan wanita, bermula sebagai satu daripada tiga wanita yang gigih meraih sokongan pada tahun-tahun awal penubuhan Umno. Pengalaman dan kemahirannya sebagai perintis dalam politik dan sebagai presiden pertama Institut Wanita banyak membantu dalam proses mewujudkan Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (NCWO).

Bersama-sama tujuh lagi srikandi perintis, termasuk Puan F.R. Bhupalan (Datuk) kepemimpinan Kamsiah mendorong kemasukan lebih banyak pertubuhan wanita, dan mula merangka laluan yang bakal menjadikannya organisasi pergerakan wanita yang terbesar dan paling berpengaruh di Negara ini hingga ke hari ini.

Apabila Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (NACIWID) diwujudkan pada 1976 selepas Persidangan Dunia PBB mengenai Wanita yang pertama diadakan, Kamsiah dilantik sebagai pengerusinya.

Nasihatnya yang berguna kepada wanita, terutama wanita muda, ialah supaya sentiasa bekerja keras, yakin diri dan terus mencari pengalaman. Bagi Kamsiah, pengurusan masa yang baik adalah kunci asas sebelum seseorang boleh menumpukan perhatian berkhidmat kepada masyarakat menerusi kegiatan kesukarelawanan dan berjasa kepada bangsa.

MANY speak of Tan Sri Datin Hajah Kamsiah Abdul Majid's tenacity and enduring spirit particularly in her dedication to volunteer work in women's issues and development.

As one of the country's pioneer women's activists, Kasmiah who was also known as Kamsiah Ibrahim (her husband's name) spent 60 years of her life in support of women's development, beginning as one of only three women canvassing for women's support during the founding years of UMNO. Her experience and skills garnered as a pioneer in politics and as founding president of Women's Institute served well for the subsequent creation of the National Council of Women's Organisations (NCWO).

Together with a team of seven founding members, including Mrs F.R. Bhupalan (Datuk) the president of YWCA, NCWO under the leadership of Kamsiah prompted the inclusion of many other women organisations, and began to chart a course that would make it the largest and most influential women's movement organisation in the country to this day.

When the National Advisory Council on the Integration of Women in Development (NACIWID) was formed in 1976 after the First UN World Conference on Women, Kamsiah was made its first chairperson.

Her practical advice to women, especially young women, was always to work hard, be self-confident and to continually build experience. For Kamsiah, good time management was always key before one could dedicate oneself to serving society via volunteer activities and being in service to the nation.

Datuk Datin Paduka Ruby Lee



DATUK Datin Paduka Ruby Lee menyerahkan hampir keseluruhan hidupnya kepada aktiviti kemanusiaan. Beliau bermula sebagai sukarelawan kerja sosial di Pertubuhan Palang Merah/Bulan Sabit Merah Malaysia pada 1965 hinggalah menjadi setiausaha agung perkhidmatan kemanusiaan paling lama berkhidmat iaitu selama 32 tahun.

Sebelum itu, pada 1953, beliau membantu mengasaskan Institut Wanita Ampang dan Pesatuan Kebangsaan Institut Wanita. Beliau juga membantu Encik Sardon Jubir (Tun) dalam menubuhkan Majlis Belia Malaysia dan membantu Syed Adam Al-Jafri di Persatuan Pengguna Selangor. Kemudiannya beliau membantu Joseph Siow dan BH Tan untuk membentuk Majlis Kebajikan Sosial Malaya (yang kemudiannya menjadi Majlis Kebangsaan Kebajikan Sosial).

Akan tetapi beliau lebih dikenali kerana peranannya di dalam MRCS di mana Lee membantu memperluaskan peranan badan itu daripada sekadar memberikan bantuan asas, untuk meliputi bantuan kecemasan, perkhidmatan kesihatan komuniti dan sosial. Beliau juga berperanan penting dalam memberikan sokongan dan bantuan ketika insiden 13 Mei 1969, serta sewaktu banjir besar pada 1967 dan 1971. Beliau turut bertanggungjawab menyelamatkan nyawa pendatang Vietnam yang melarikan diri dari Negara mereka pada 1975 ke Malaysia, dengan menguruskan makanan dan tempat perlindungan, pendidikan dan latihan sehinggalah mereka ditempatkan dengan selamat di rumah keluarga angkat dan di negara yang menerima mereka.

Di sepanjang kerjayanya, Lee juga sangat aktif falam pertubuhan kebajikan sosial lain dari remaja hingga wanita, Orang Kurang Upaya dan lain-lain.

Sebagai sebahagian daripada jawatankuasa pengasas NCWO, Lee adalah antara jurucakap NCWO yang dikenali umum, mengembara ke serata dunia bersama srikandi perintis yang lain, Puan F.R. Bhupalan (Datuk) dan Puan Kamsiah Majid (Tan Sri), berkongsi pengalaman serta mempelajari bagaimana menangani pelbagai isu dalam memperjuangkan hak wanita.

Selepas meninggalkan kedua-dua MRCS dan NCWO, beliau menubuhkan organisasi khidmat komuniti termasuk satu rangkaian sokongan perpaduan. Lee diserang angin ahmar pada 2002 dan kanser pada 2004, tetapi ini tidak menghalangnya daripada menjadi Naib Presiden Persatuan Untuk Orang Kurang Upaya Akal (Selangor dan Wilayah Persekutuan)

DATUK Datin Paduka Ruby Lee dedicated her life to humanitarian causes. She began her volunteer social work with the Malaysian Red Cross/Crescent Society (MRCS) in 1965 to become the longest-serving secretary-general in humanitarian services for 32 years.

Prior to that she helped found the Ampang Women's Institute in 1953 and the National Association of Women's Institute. She also assisted Encik Sardon Jubir (Tun) in the formation of the Malayan Youth Council and Syed Adam Al-Jafri with the Selangor Consumers' Association. Subsequently she helped Joseph Siow and BH Tan to form the Malayan Social Welfare Council (later to become the National Council of Social Welfare).

But Lee is best known for her involvement in MRCS where she helped expand its role from providing mere first aid to include emergency relief, community health and social services. She also played a key part in providing support and relief during the May 13 (1969) incident, as well as the big floods of 1967 and 1971. She was responsible for caring for the Vietnamese who fled their country in 1975 to land in Malaysia, from organising food and shelter to education and training until they were safely placed within foster homes and other countries.

As NCWO's founding committee member, Lee travelled the world with Mrs F.R. Bhupalan (Datuk) and Puan Kamsiah Majid (Tan Sri), sharing and learning about fighting the women's cause.

When she left both MRCS and NCWO she set up a community service organisation including a unity support network. She also became Vice-President of the Society for the Severely Mentally Handicapped (Selangor and Federal Territories).

Puan Mahalakshmi Navaratnam A.M.N



PUAN Mahalakshmi Navaratnam nee Viswalingam amat dikenali kerana dedikasinya terhadap pergerakan Pandu Puteri. Beliau adalah Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Malaya yang pertama pada 1958 dan kekal sehingga 1973.

Dilahirkan di Kuala Kangsar, Perak, beliau mula bergiat dalam Pandu Puteri pada 1940 dan pada penghujung Perang Dunia Kedua, menjadi Pembantu Peribadi kepada Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Neger-Negeri Melayu Bersekutu dan Singapura.

Beliau berkahwin dengan Encik P. Navaratnam, Pengetua Kolej Teknik (kini UPM) dan kemudian mengikuti suaminya ke England di mana beliau belajar dalam bidang Sosiologi dan Kerja Sosial di London School of Economics. Di sana, beliau turut berkhidmat di Ibu Pejabat Persatuan Pandu Puteri Komanwel dan apabila kembali semula ke tanahair, dipilih sebagai Presiden Cawangan Selangor pada 1951. Pada 1955 beliau diberikan kerja sepenuh masa dan bertanggungjawab bagi keahlian Jawatankuasa Kewangan dan Eksekutif Kebangsaan persatuan itu. Beliau juga berkhidmat dalam Persatuan Kebangsaan Institut Wanita pada 1953.

Pada 1957, beliau dipilih sebagai Timbalan Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Malaya. Pada 1969, beliau dilantik sebagai anggota Persatuan Pandu Puteri dan Pengakap Perempuan Dunia, rakyat Malaysia pertama memperolehi penghargaan berada di dalam badan antarabangsa itu.

Tanpa syak lagi, kepemimpinan dan kemampuannya mengatur organisasi menyebabkan beliau menyertai beberapa lagi NGO. Ini membawanya kepada keanggotaan dalam Jawatankuasa Penaja NCWO pada 1960 yang menyaksikan penubuhannya pada 25 Ogos 1963.

MRS Mahalakshmi Navaratnam nee Viswalingam was known for her devotion to the Girl Guides movement. She became the first Malayan Chief Commissioner of the Girl Guides Association of Malaya in 1958 and served in that capacity until 1973.

Born in Kuala Kangsar, Perak, she first got involved in the Girl Guides in 1940 and at the end of the Second World War, became Personal Assistant to the Chief Commissioner of the Girl Guides Association of the Federated Malay States and Singapore.

She married Mr P. Navaratnam, the Principal of Technical College (now UPM) and went to England with him where she studied sociology and social work at the London School of Economics. There she was also attached to the Commonwealth Headquarters of the Girl Guides Association and upon her return, was elected President of the Selangor State Branch in 1951. In 1955 she was given a full-time job where she was responsible for membership of the National Executive and Finance Committee of the Association. She also served on the National Association of the Women's Institute in 1953.

In 1957 she was elected as Deputy Chief Commissioner of the Girl Guides Association of Malaya. In 1969 she was elected a member of the World Association of Girl Guides and Girl Scouts, the first Malaysian to have achieved the honour of being on an International body.

Needless to say, her leadership and organisational abilities found herself being roped into a few other NGOs. So it was that she became a member of the Pro-Team Committee of the NCWO in 1960 which finally witnessed its establishment on the 25th August 1963.

Tan Sri Dato' Lim Phaik Gan (P. G. Lim)



TAN Sri Lim Phaik Gan atau lebih dikenali sebagai PG Lim adalah tokoh wanita terkenal yang memperjuangkan hak-hak wanita di sepanjang kerjayanya yang gemilang. Terpilih sebagai duta wanita yang pertama Malaysia, Lim memberi sumbangan bermakna sebagai wakil PBB, diplomat, peguam yang berjaya, pejuang pelbagai kesatuan sekerja dan hak wanita serta sebagai isteri dan ibu.

Pada 1948, beliau mempertahankan tentera gerila Lee Meng yang didakwa terbabit dengan aktiviti komunis, membela 11 remaja yang dihukum mati kerana bekerjasama dengan pihak Indonesia ketika Konfrantasi pada 1968, dan menjadi seorang daripada dua wanita yang dilantik menganggotai Majlis Perundingan Kebangsaan yang dibentuk selepas rusuhan pada 1969. Lim juga menasihat dan mewakili Kesatuan Sekerja Pekerja Keretapi Malaya, Kesatuan Sekerja Kebangsaan Pekerja Ladang, Kesatuan Sekerja Pengangkutan dan Kesatuan Sekerja Kastam Malaya.

Lim juga memperjuangkan dan berjaya menamatkan perbezaan gaji di antara guru lelaki dan wanita, serta amat komited memperjuangkan pelbagai agenda NCWO termasuk keselamatan sosial, pendidikan dan latihan, hak asasi dan kesihatan wanita.

Apabila beliau dilantik oleh Tun Razak sebagai timbalan wakil tetap ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 1971, NCWO mengadakan majlis keraian sebagai tanda terima kasih kerana membuka laluan untuk perjuangan NCWO seterusnya. NCWO kemudiannya menghargai sumbangan Lim dengan menghadiahkannya Anugerah Pencapaian Emas Tun Fatimah. Pada 1986, Lim juga berkhidmat sebagai Presiden Pertubuhan Bantuan Wanita (WAO).

Pada 2009, Lim menerima Anugerah Merdeka Bagi Sumbangan Cemerlang Kepada Pemerkasaan Wanita di Malaysia dan bagi Melindungi, Mendapatkan Hak dan Peluang Ekonomi untuk Wanita Menerusi Pembelaan (Advokasi), bersama-sama bekas Yang di Pertua NCWO, Fatimah Hashim (Tun).

TAN Sri Lim Phaik Gan or PG Lim was a renowned feminist icon who championed the rights of women throughout her illustrious career. Chosen as Malaysia's first woman ambassador, Lim made high profile contributions as a UN representative, diplomat, successful lawyer, champion of trade and other unions, feminist, wife and mother.

In 1948 she defended a guerilla fighter Lee Meng who was accused of communist activities, defended 11 youths who were sentenced to death for collaborating with Indonesians during The Confrontation in 1968, and was one of two women appointed to the National Consultative Council which was formed after the riots of 1969. Lim also advised and represented Railwaymen's Union of Malaya, the National Union of Plantation Workers, the Transport Worker's Union and the Custom's Union of Malaya.

Lim successfully fought for and closed the gap in salaries between male and female teachers, and also committed herself wholeheartedly to championing the various agendas of NCWO including social security, education and training, civil rights and women's health.

When appointed by Tun Razak as deputy permanent representative to the United Nations in 1971, NCWO threw a celebration to give thanks for paving the way for much of NCWO's continued advocacy. NCWO would later honour her with the Tun Fatimah Golden Achievement Award. In 1986, Lim would also serve as president of Women's Aid Organisation.

In 2009, together with past NCWO president Fatimah Hashim Tun), Lim was the co-recipient of the Merdeka Award for Outstanding Contribution to the Empowerment of Women in Malaysia and for Protecting and Securing Rights and Economic Opportunities for Women through Advocacy.

Puan Ranee Eliezer



PUAN Ranee Eliezer nee Handy, dilahirkan di Ipoh dan membesar di Singapura. Sewaktu Perang Dunia Kedua, beliau berpindah ke Colombo, Sri Lanka, di mana beliau mengajar di St John's College di Jaffna. Sekian lama beliau berjuang demi untuk kemajuan dan pembangunan dalam aspek hak wanita, pendidikan, hal-ehwal awam, budaya majmuk dan isu sosial.

Pada 1944, beliau mengahwini Profesor Christie Eliezer, yang menuntut di Universiti Cambridge. Beliau kemudiannya menjadi ilmuan ulung di Universiti Malaya dan Ranee turut kembali ke Malaya apabila suaminya dilantik sebagai Profesor Matematik.

Dedikasi Ranee dalam masyarakat pelbagai kaum dan budaya serta sumbangannya dalam kerja-kerja sosial diiktiraf dan dihargai. Beliau adalah pengasas Persatuan Isteri-Isteri di Universiti Malaya. Beliau dengan sukareka bersetuju menyertai Jawatankuasa Penaja Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (NCWO) pada 1960 kerana beliau berpendirian teguh bahawa wanita mesti diiktiraf sebagai warga yang mempunyai hak sama rata dan sebagai ibunda pertiwi.

Keiltizamanannya yang utuh menjadi pemacu yang diperlukan ke arah pembentukan secara muktamad NCWO pada 1963. Antara keprihatinan utama Ranee adalah memupuk dan menggalakkan generasi muda untuk mengambil bahagian dalam pembangunan negara yang baru mencapai kemerdekaan.

Selepas beliau berhijrah ke Melbourne, Australia, Ranee terus memberikan sumbangan meluas kepada pelbagai pergerakan dan organisasi. Pada 2001, apabila Anugerah Senarai Wanita Kehormat Victoria diperkenalkan, Ranee adalah seorang daripada yang paling awal tersenarai. Senarai Kehormat ini, yang ditadbir oleh Jabatan Sumber Manusia, mengiktiraf dan meraikan wanita yang memberi sumbangan luar biasa kepada wilayah Victoria, Australia.

MRS Ranee Eliezer nee Handy, was born in Ipoh, Malaya and grew up in Singapore. She moved to Colombo, Sri Lanka during World War II, where she taught at St John's College in Jaffna. She spent many years advocating for progress and development in the areas of women's rights, education, public affairs, multiculturalism and social issues.

In 1944, she married Professor Christie Eliezer, who read at Cambridge University. He was to become an eminent scholar at the University of Malaya and so Ranee found herself back in Malaya when her husband was appointed Professor of Mathematics.

Ranee was known and appreciated for her dedication in multi-faceted community and social work. She was founder president of the University of Malaya Wives' Association.

She willingly agreed to serve on the Pro-Tem committee of the National Council of Women's Organisations (NCWO) in 1960 as she felt that women should be duly recognised as equal citizens and mothers of the nation.

Her keen determination provided the strong commitment urgently needed for the final establishment of the NCWO in 1963. One of Ranee's primary concerns was to foster and encourage younger adults to participate in the development of our newly independent nation.

When she migrated to Melbourne, Australia, Ranee continued her widespread contribution to numerous and diverse movements and organisations. In 2001, when the Victorian Honour Roll of Women was established, Ranee was one of its first inductees. The Honour Roll, administered by the Department of Human Services, recognises and celebrates women who have made extraordinary contributions to the state of Victoria.

Cik Agnes Chow

BUKTI dedikasi wanita muda bernama Agnes Chow terserlah apabila sebaik mendengar pengumuman awal mengenai kemungkinan penubuhan sebuah badan induk pertubuhan wanita, beliau terus menawarkan perkhidmatannya.

Apabila Jawatankuasa Penaja Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita dibentuk, beliau dengan sebulat suara dipilih ke jawatan Setiausaha Kehormat. Dengan perwatakannya yang periang dan kecekapan tanpa mengenal jemu, Agnes telah memberi sumbangan besar kepada jawatankuasa itu.

Sentiasa bersedia untuk melaksanakan sebarang tugas berat, beliau mesra dan ceria walau di mana sahaja berada dan pada bila-bila masa. Jika tugas yang tidak sempat disiapkan oleh anggota lain, Agnes sendiri akan memastikan ia disempurnakan sebaik mungkin. Beliau sentiasa dikenang kerana kesediaannya melaksanakan lebih daripada tugasnya sendiri sebagai Setiausaha Kehormat.

AGNES Chow was a dedicated young woman who, from the initial announcement of a possible inauguration of an umbrella women's organisation, came to offer her services.

When the Pro-Tem committee of the National Council of Women's Organisations was formed, she was unanimously elected to the post of Honorary Secretary. With her effervescent character and her untiring efficiency, Agnes made a major contribution to the committee.

Ever ready to undertake demanding responsibilities, she was always amiable, regardless of time or place. If there were tasks that other members could not complete because of various pressing matters, Agnes herself would ensure they were finished to the highest standards. She is dearly remembered for regularly and cheerfully going beyond the normal duties of an Honorary Secretary.

Puan Mary Routh Buchanan

PADA tahun-tahun awal selepas kemerdekaan dalam 1960-an, Mary Routh Buchanan berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah Perkhidmatan Maklumat Amerika Syarikat di Kedutaan AS di Kuala Lumpur. Ini adalah waktu di mana banyak perkumpulan dan individu yang begitu komited untuk mencapai masa depan yang mereka impikan untuk tanah air mereka.

Antaranya adalah wanita yang membentuk Jawatankuasa Penaja Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (NCWO). Mary Routh adalah rakan kepada organisasi ini yang sama-sama berpegang dan percaya kepada aspirasi untuk memajukan wanita.

Beliau menyedari bahawa wanita mempunyai kekuatan dan keyakinan kukuh untuk berjaya dalam usaha ini. Perwatakannya yang pendiam dan tenang membolehkannya menyertai jawatankuasa ini tanpa dianggap campur tangan dalam perbincangan hangat jawatankuasa. Interaksinya menunjukkan keprihatinan dan kefahaman, yang disedari dan dihargai oleh anggota jawatankuasa.

Hubungannya dengan pemimpin pertubuhan wanita dan institusi pendidikan di negara asalnya membawa kepada tiga anggota Jawatankuasa Penaja dijemput ke Amerika Syarikat atas undangan geran kepemimpinan Jabatan Negara AS. Mereka ialah Puan Ruby Lee, Datin Kamsiah Abdul Majid dan Puan F.R. Bhupalan, yang pergi bagi tempoh-tempoh yang berasingan dari 1961 hingga 1963.

Ditaja sepenuhnya oleh Kerajaan AS, pemimpin wanita ini menjelajah ke seluruh Negara itu selama 60 hari, melawat pelbagai jenis pertubuhan dan universiti serta menyampaikan kertas kerja. Kunjungan ini memberi inspirasi dan pengaruh besar, memperkaya pengalaman mereka dan memperkukuh iltizam mereka untuk terus bergerak ke hadapan demi bangsa dan negara.

MISS Mary Routh Buchanan was the Deputy Director of the United States Information Service at the US Embassy in Kuala Lumpur in the early post-Independence days of 1960s. It was a time when many groups and individuals were committed to carving the future they had envisioned for the nation.

Among them were the women who formed the Pro-Tem committee of the National Council of Women's Organisations (NCWO) Mary Routh was a friend of the council who deeply and positively espoused similar aspirations to the progress of women.

She acknowledged that women had the strength and conviction to succeed in this task. It was her quiet, composed manner that made it possible for the committee to enter into animated discussions without her being regarded as an intruder. Her interactions showed her concern and understanding, which the other members noted and appreciated.

Her links to leaders in women's organisations and educational institutions in her home country led to three women from the NCWO Pro-Tem committee being invited to the US on a leadership grant awarded by the state departments. The three were Mrs Ruby Lee, Datin Kamsiah Kamsiah Abdul Majid and Mrs F. R. Bhupalan, who each went at different times between 1961 and 1963.

Fully sponsored by the US government, the women travelled across the US for 60 days, visiting a wide variety of organisations and universities and sometimes even delivering papers. Their visits made an indelible and inspiring impact, enriching their lives and reinforcing their decision to move forward for country and nation.

Datuk F.R. Bhupalan



PADA 1960, Malaya yang pada ketika itu baharu sahaja menikmati kemerdekaan, bergetar dengan penuh semangat dan wawasan yang penuh harapan. Baru tiga tahun sebelumnya, pengasas-pengasas negara kita - dengan secara penuh tertib dan beradab - membebaskan negara dari lebih 200 tahun pemerintahan British.

Negara diterajui tokoh-tokoh ulung, yang mendedikasikan hidup mereka ke arah merealisasikan kehidupan yang lebih baik untuk semua rakyat Malaysia.

Di tengah-tengah masyarakat, seiring dengan srikandi sepertinya, Rasammah Nakmi Navaredнan atau lebih dikenali sebagai Puan F. R. Bhupalan, memacu beberapa pergerakan untuk tujuan sama.

Banyak yang harus dilakukan untk sebuah negara yang baru lahir ini, dan untuk benar-benar mencapai kemajuan, kesaksamaan di antara jantina amat penting. Bagi Bhupalan, adalah jelas bahawa langkah pertama untuk mencapai hasrat ini, wanita mesti bersuara dengan satu suara, satu suara yang penuh bertenaga, saling memahami dan saling merasai dalam wadah penyatuan.Pada 1960, YWCA, yang mana Bhupalan adalah anggota aktif, mencadangkan idea untuk menyatukan persatuan-persatuan wanita ke dalam satu organisasi secara berstruktur. Sehubungan itu, pada 1963, Majlis Kebangsaan Persatuan Wanita ditubuhkan secara rasmi. Bhupalan berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penaja dan kemudian sebagaj Setiausaha Agung Kehormat selama 40 tahun.

Beliau adalah seorang daripada lapan srikandi perintis pertubuhan induk ini yang pada dekad-dekad mendatang – menyediakan wadah yang amat diperlukan bagi menyatupadukan wanita.

Ini adalah satu perkembangan penting, mendapat tempat sewajarnya dalam sejarah dunia. Ia berlaku ketika gerakan hak asasi di Amerika Syarikat disuntik dengan suara Dr Martin Luther King Jr. Di seluruh dunia, kesaksamaan hak terus menjadi sekadar impian.

Di sebalik semua ini, Bhupalan mempunyai tahap kesedaran yang tinggi mengenai kemerdekaan dan kebebasan. “Saya memang pejuang sejak muda lagi,” katanya.

Pada usia 86 tahun, semangat perjuangan itu masih ketara, kualiti yang mendorongnya untuk memulakan satu daripada gerakan yang penting dalam sejarah Negara kita – iaitu gaji sama rata bagi guru wanita. Baginya, ini adalah “perjuangan pertama yang sebenar bagi wanita di Malaya”.

Bhupalan, yang ketika itu menjadi guru di sekolah menengah, merajui perbincangan di kalangan sekumpulan kecil guru wanita. Tidak lama kemudian, Kesatuan Sekerja Guru Wanita (WTU) ditubuhkan pada Mac, 1960.

Ini adalah kesatuan sekerja wanita yang pertama.

Dengan penubuhan WTU, Gaji Sama Rata mendapat perhatian umum walaupun mendapat tentangan hebat. Isu ini terus diperjuangkan dengan penuh iltizam, tindakan strategik dan penggunaan media secara bijak.

Pada 1962, Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sendiri mengutuskan satu perutusan mengumumkan penubuhan sebuah jawatankuasa untuk "meneliti persoalan gaji sama rata bagi guru-guru wanita…"

"Tunku adalah seorang tokoh yang berjiwa besar dan berpandangan jauh – benar-benar seorang pemimpin," kata Bhupalan, yang jelas bangga dan mengagumi Perdana Menteri Malaya yang pertama itu.

Gaji Sama Rata akhirnya menjadi isu utama Majlis sehinggalah, pada 1972, guru wanita menerima gaji yang sama dengan guru lelaki sejawatan mereka.

Bhupalan hanya berusia 30 tahun ketika beliau mula membincangkan mengenai gaji sama rata dengan rakan-rakannya.

Hak sama rata, kemerdekaan dan hak untuk bersuara adalah antara nilai yang disemai ketika dia dan lima adik-beradiknya membesar. Ibu bapa mereka percaya bahawa hak-hak asasi ini mesti dihormati tidak kira umur, jantina, kaum atau kepercayaan agama.

Ketika penjajahan, Bhupalan tidak mahu menghadiri sekolah Jepun. Kebijaksanaan akalnya menyebabkan dia banyak membaca dan ini membawanya untuk mempelajari mengenai Tragedi Amritsar, di mana tentera British menembak peserta perhimpunan aman, menyebabkan beribu-ribu kematian.

"Ini memberi kesan besar kepada hidup saya. Jadi ketika Netaji (Subhas Chandra Bose) datang ke Malaya dan berucap, oh… kami terpana." Bersama-sama kakaknya, Ponnamah, beliau menyertai pergerakan Regimen Wanita (Rani of Jhansi Regiment) Tentera Nasional India bagi Membebaskan India. Regimen ini adalah regimen wanita sepenuhnya yang pertama di dunia.

Dalam hal ini juga, perjuangan Bhupalan demi keadilan terserlah. Dalam satu keadaan, sikapnya dipersoalkan oleh Adjutan regimen. Marah dengan tuduhan tidak berasas itu, beliau bertegas mempertahankan haknya.

Akibatnya, beliau diturunkan pangkat dari corporal kepada lans corporal. Dia bertindak menanggalkan kedua-dua garis pangkatnya dan terus memakai uniform sebagai seorang prebet.

Tidak lama kemudian, Regimen Rani of Jhansi bergerak ke Burma menerusi Thailand, mengikuti laluan Kereta Api Maut sebelum tiba ke Yangon. Ketika di Burma, beliau dijangkiti radang paru-paru dan malaria.

"Ketika saya di hospital. Netaji datang bermesyuarat di kem Rani of Jhansi. Semua pegawai dan anggota hadir," katanya.

Menurutnya, Netaji meneliti penurunan pangkatnya dan selepas mendapatkan maklum balas, menaikkan pangkatnya kepada sarjan. Dalam tentera revolusi, tetap ada keadilan, katanya.

Peristiwa ini berlaku pada 1944. Beliau kekal bersama tentera sehingga 1945 apabila beliau kembali ke Malaya sebagai orang awam dan seorang pelajar.

Pada 28 April 1946, muncul satu lagi detik penting dalam hidupnya. Beliau menghadiri satu majlis dengan kakaknya dan diiringi abangnya. Ketika dia menari bersama abangnya, seorang daripada kawan kepada abangnya, meminta izin untuk menari dengannya.

Lelaki itu adalah Franklin Rajendram Bhupalan, bakal suami Rassamah, yang disifatkannya sebagai 'tugu kekuatannya', kekasih awal dan akhir serta teman sejiwanya.

"Suatu hari ketika duduk bersamanya, saya memberitahunya: "Sayang, saya mampu menjadi seorang yang tidak gentar, kuat dan tegas kerana saya mempunyai suami yang sungguh luar biasa yang sentiasa ada di sisi setiap masa. Mereka boleh ambil pekerjaan saya, tetapi mereka tidak boleh mengambilmu dari saya atau saya dari kamu."

"Saya ucapkan kata-kata tersebut kepadanya agak lewat, kira-kira dua tahun sebelum dia meninggal dunia. Dan ia sesungguhnya amat benar."

Dr F. R. Bhupalan meninggal dunia pada Mei 2011. Di sepanjang perkahwinan mereka, dia menyokong isterinya dalam semua kegiatannya termasuk isu yang rumit dan pelbagai seperti keganasan rumahtangga, dadah, HIV/AIDS dan CEDAW.

Di satu seminar, beliau terdengar komen dari beberapa lelaki yang mengatakan nadanya akan kurang menyengat sebaik menerima anugerah Datuk.

Walaupun beberapa kali ditawarkan gelaran itu, beliau menolak, memberikan mesej yang jelas bahawa perjuangan sentiasa diutamakan dan menentang ketidakadilan bukanlah satu cara mendapat kegemilangan peribadi.

Beliau akhirnya menerima anugerah Persekutuan beberapa tahun lalu tetapi tetap popular dengan panggilan Puan Bhupalan.

Pada pertengahan 2013, beliau menerima anugerah dari Sidang Kemuncak Wanita, suatu rangkaian wanita dalam sektor swasta, awam dan bukan keuntungan yang berjuang ke arah memperkasa wanita menerusi peningkatan peluang ekonomi.

Mesyuarat tahunan Sidang ini diadakan di Kuala Lumpur buat kali pertama tahun ini dan beliau dipilih sebagai penerima tunggal anugerah Kepemimpinan Wanita.

Pencapaian dan kisahnya tidak pernah berakhir. Dan begitulah sepatutnya. Hidupnya diabdikan untuk berkhidmat: untuk yang tiada suara, tidak bernama dan tidak kelihatan – mereka yang menjalani kehidupan yang kita mungkin tidak terfikirkan, kecuali dalam mimpi yang ngeri.

Beliau hanya seorang wanita. Namun, kita bersyukur kerana dialah lambang setiap wanita.

IN 1960, Malaya, a freshly independent country, was brimming with vitality and hopeful vision. Only three years before, our founding fathers had — through courtly and genteel means — freed the land from over 200 years of British rule.

The nation was being led by men of greatness, whose lives were dedicated to realising betterment for all citizens of Malaya.

On the ground, arm-in-arm with her activist sisters, Rasammah Naomi Navarednam or Mrs F. R. Bhupalan as she was laterknown, propelled several movements for the same.

There was much to do in the new nation and to truly progress, parity between the genders was crucial. It was clear to Bhupalan that the first step in achieving this was for women to speak with one voice, a voice that was energetic, empathetic and emphatic in its unity.

In 1960, the YCWA, of which Bhupalan was an active member, proposed the idea of bringing women's organisations together in a structured manner. Thus it was that in 1963, the National Council of Women's Organisations was formally established. Bhupalan served as Chairman of the Pro-Tem Committee and then as Honorary Secretary-General for 40 years.

She is one of eight founding mothers of this umbrella body which would — for decades to come — provide a much-needed platform for solidarity amongst women.

This was a major development, one that deserves a prominent place in world history. It was a time when the civil rights movement in the US was alive with the voice of Dr Martin Luther King Jr. Across the globe, equality remained elusive for many.

Despite this Bhupalan had an acute awareness of independence and liberty. "I was a fighter from young," she says.

At 86, she still has that fighting spirit, a quality that led her to initiate one of the most crucial movements in our country's history — that of equal pay for women teachers. This was, in her own words, "the first real struggle for women in Malaya".

Bhupalan, who by then was teaching in secondary school, led a discussion amongst a small group of women teachers. Several steps later, Women Teachers Union (WTU) was founded in March, 1960. It was the first all-women union.

"Ours was also the first to achieve such diversity in terms of ethnicity, culture, language, religion and qualification. Our members came with different types of

training and from different schools, but we were one."

With the establishment of the WTU, equal pay gained profile and heft despite some formidable opposition. The issue was kept alive with unflickering focus, strategic action and savvy use of the media.

It paid off in 1962, Prime Minister Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj himself issued a communique announcing the setting up of a committee to "examine the question of equal pay for women teachers…".

"Tunku was a man of great breadth and great vision — a real son of God," says Bhupalan, her warm voice rich with pride and admiration for Malaya's first prime minister.

Equal pay eventually became a central Council issue until, finally, in 1972, women teachers were paid the same amount as their male counterparts.

Bhupalan was only 30 years old when she first started talking about equal pay with her colleagues. This comes as no surprise.

Egalitarianism, independence and the right to speak up were values that she and her five older siblings were brought up with. It was their parents' firm belief that these were human rights to be honoured regardless of age, gender, race or religious belief.

During the Occupation, Bhupalan did not want to attend Japanese school. Her restless intellect led her to read widely and so she learnt of the Amritsar Massacre, when the British army opened fire on a peaceful gathering, resulting in thousands of casualties.

"That made a major change in my life. So when Netaji (Subhas Chandra Bose) came to Malaya and spoke, oh…we were mesmerised." Together with her older sister, Ponnammah, she joined the Rani of Jhansi Regiment of the Indian National Army of the Azad Hind (Free India) movement. The Rani of Jhansi was the first all-women regiment in the world.

Even here, Bhupalan's fight against injustice prevailed. In one instance, her behaviour was called into question by the Adjutant of the company. Outraged by the baseless accusations, she held her ground firmly.

As a result, she was demoted from corporal to lance corporal. Instead of removing just one stripe, however, she removed both, effectively wearing the uniform of a private.

Soon after, the Rani of Jhansi Regiment journeyed through Burma, making their way to Thailand, following the Death Railway route before reaching Rangoon.

While in Burma, she fell very ill with pneumonia and a dangerous strain of malaria.

"When I was in hospital, Netaji came for a meeting at the Rani of Jhansi camp. All the officers and sub-officers were in full attendance."

She recalls that he noted her demotion, made enquires and after getting glowing reviews of her conduct, promoted her to sergeant! In a revolutionary army, there was justice, she says.

This was in 1944. She remained with her fellow soldiers until 1945, when she returned to Malaya and resumed civilian life — as a schoolgirl.

On 28th April, 1946 came another pivotal point in her life. She attended a party with her sister, chaperoned by her brother, as was the rule.

Later, when she was dancing with her brother, one of his friends tapped him on the shoulder and asked to dance with her.

That was Franklin Rajendram Bhupalan, Rasammah's future husband, her "tower of strength", her lifelong love and her soulmate.

"I was able to be fearless, forceful and affirmative because I had the most wonderful husband who was there for me at all times, she says."

"I said this to him very late, maybe two years before he passed away. And it's the truth."

Dr F R Bhupalan died in May, 2011. Throughout the marriage, he supported her in everything that she did. Over the years, she would tackle and propel complex and varied issues such as domestic violence, drugs and HIV/AIDS and CEDAW.

Once at a seminar, she overheard a comment from some men that she would be far less assertive in her tone "once she received a Datukship".

Though she was offered one several times, she refused, sending a strong signal that the cause was always paramount and fighting injustice was not a means to personal glory,

She finally accepted a Federal title just a few years ago but is still popularly and affectionately known as 'Mrs Bhupalan'.

In mid-2013, she received an award from the Global Summit of Women, a network of women in the private, public and non-profit sectors who work towards empowering women through increased economic opportunity.

The Summit's yearly conference was held in Kuala Lumpur for the first time that year.and she was chosen as sole recipient of the Leadership of Women award.

The accomplishments and the stories are without end.

And that is as it should be. Hers is a life lived in service: to the voiceless, the nameless, the invisible — the ones we would otherwise never dream of, except perhaps in our worst and most private nightmares.

She is one woman. And yet – thankfully for us – she is every woman.



YANG DI PERTUA NCWO

THE PRESIDENTS

Tan Sri Datin Hajah Kamsiah Ibrahim (1963-1965)

TAN Sri Datin Hajah Kamsiah bt Abdul Majid telah dipilih sebagai Presiden pertama apabila Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (National Council Of Womens Organisation, NCWO) ditubuhkan pada tahun 1963.

Pemilihan ini ekoran pembabitan awal beliau dalam memperjuangkan isu-isu wanita. Ini diperkuatkan dengan kedudukan beliau sebagai Presiden Women's Institute (WI) yang telah digerakkan oleh Lady Templer dalam tahun 1958.

Ketika itu, Kamsiah adalah sebahagian daripada ahli sukarelawan, satu sistem sokongan utama bagi wanita bandar dan desa. Penglibatan beliau yang aktif telah menjadikan beliau calon sesuai untuk diangkat ke peringkat global sebagai Timbalan Presiden (1965-1971). Kemudian dilantik sebagai Presiden (1971-1977) Organisasi Antarabangsa Bagi Wanita Negara-Negara Membangun atau ACWW (Associated Country Women Of The World).

Kamsiah menerima pendidikannya di Kuala Lumpur. Bagaimanapun, setelah mendirikan rumahtangga beliau berpindah ke Perak pada tahun 1947. Beliau kemudiannya melibatkan diri sepenuh masa dalam kerja-kerja sukarelawan. Bermula dengan Perkhidmatan Liga Wanita, kemudian Anson Ladies Club, Persatuan Pendidikan Dewasa dan juga sebagai penasihat Mahkamah Juvana. Ketika Duchess of Kent berada di Kuala Lumpur, Kamsiah antara wanita bertuah mewakili wanita Hilir Perak untuk menemui Duchess of Kent.

Pembabitan beliau dalam kerja-kerja sukarelawan terutamanya berkaitan wanita telah menjadi satu wadah penting baginya untuk melahirkan NCWO. Komitmen Kamsiah terhadap penubuhannya terus mengangkat beliau sebagai sebagai Yang di Pertua pertama NCWO. Walaupun menduduki kerusi Presiden untuk tempoh yang singkat, namun, dengan segala usaha awalnya yang gigih, banyak kejayaan telah dicipta. Antaranya, beliau telah menyediakan pentas bagi NCWO untuk terus mempromosikan isu-isu gender, meningkatkan kualiti kehidupan, dan berjuang untuk keadilan bagi wanita, khususnya dalam menentang pelbagai undang-undang dan peraturan diskriminasi terhadap wanita.

Kesetiaannya kemudian mendorong Kamsiah untuk terus menyumbang kepada Majlis Penasihat Kebangsaan mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (NACIWID) sebagai pengerusi penubuhannya.

Setelah menyumbang lebih daripada 60 tahun hidupnya menyokong pembangunan wanita, Kamsiah telah menerima Anugerah Kebangsaan Sri Kandi Tun Fatimah NCWO pada tahun 1981. Anugerah ini mengiktiraf komitmen serta kesungguhan beliau dalam memperjuangkan hak-hak wanita.



WHEN NCWO was formally established in 1963, Tan Sri Datin Hajah Kamsiah bt Abdul Majid was chosen to be its first president.

This was a natural progression, given her early involvement in championing women's issues through her position in 1958 as president of Women's Institute (WI) which was initiated by Lady Templer. At WI, Kasmiah was part of the main volunteer support system for village women and women of the Malaysian interior. This would serve her later when she raised her involvement onto the global stage as deputy president (1965-1971) and then president (1971-77) of the international organisation for women in developing countries, the Associated Country Women of the World (ACWW).

Kamsiah spent her school days in Kuala Lumpur, but it was when she moved to Perak in 1947 after marriage that she immersed herself in volunteer work. This began with the Women's Service League, Anson Ladies Club, Adult Education Association, the Juvenile Courts in the role of advisor. Kasmiah was also the key representative of the women of Hilir Perak chosen to meet with HRH the Duchess of Kent in Kuala Lumpur.

Her deep involvement in volunteer work particularly with women thus became a strategic platform for the formation of an umbrella organisation, the National Council of Women's Organisations (NCWO). Kamsiah's focused commitment and drive led her to be chosen as NCWO's first president. Although in office only briefly, with her early efforts Kamsiah set the stage for NCWO to continually promote gender issues, improve the quality of life, and fight for justice for women, specifically in opposing the various discriminatory laws and regulations against women.

Kamsiah's continuous devotion later spurred her to further contribute to the National Advisory Council on the Integration of Women in Development (NACIWID) as its founding chairperson.

Having spent more than 60 years of her life in support of women's development, Kamsiah was awarded the NCWO Tun Fatimah National Sri Kandi award in 1981 for her unrelenting commitment and support in fighting for women's causes.

Tun (Dr) Fatimah Hashim (1965-1989)



TUN Tan Sri Dr Fatimah Haji Hashim, di mata ramai, mungkin hanya seorang ahli politik. Tetapi sebenarnya beliau juga seorang aktivis hak2 wanita. Dalam menggerakkan dua peranan itu, beliau banyak memperjuangkan isu-isu dan agenda wanita. Usaha beliau terlalu banyak hingga terbuka pelbagai peluang bagi pejuang hak asasi wanita bergerak berterusan samada menerusi politik, kerajaan atau NGO.

Mengharumi negara sebagai Menteri Kabinet wanita pertama Malaysia, Fatimah adalah seorang pemimpin yang aktif dalam kerja sosial sejak beliau remaja. Beliau mengetuai banyak persatuan di peringkat sekolah. Pelbagai bentuk aktiviti dilakukan bersama rakan-rakannya, yang membawa mereka terbabit dalam usaha pertanian hingga ke aktiviti fizikal antara sekolah.

Pembabitan awalnya dalam politik bermula apabila beliau menyertai Kaum Ibu UMNO pada tahun 1947 di usia 21 tahun. Beliau bermula sebagai Bendahari Cawangan Johor dan pada tahun 1956, beliau berpindah ke Perak untuk mengikuti suaminya Tan Sri Abdul Kadir Yusof, yang bertugas sebagai Timbalan Pendakwa Raya. Minatnya dalam politik tidak terkubur, dan beliau menjadi ketua Kaum Ibu Ipoh dan cawangan-cawangan lain di negeri Perak. Pada tahun yang sama, beliau mengambil alih tempat Khadijah Sidek sebagai presiden Pergerakan Kaum Ibu. Secara beransur-ansur, ini membawa kepada pemilihan beliau sebagai Naib Presiden UMNO, justru mendapat tempat di dalam Majlis Tertinggi UMNO.

Pada tahun 1959, selepas Kaum Ibu dapat meyakinkan pucuk pimpinan untuk mengenegahkan wanita sebagai calon, Fatimah bertanding dan memenangi kerusi Jitra-Padang Terap. Beliau berjaya menyandang dan mengekalkan kerusi itu selama 15 tahun! Sepuluh tahun kemudian iaitu pada tahun 1969, Fatimah dipilih oleh Perdana Menteri ketika itu, Tunku Abdul Rahman untuk menjadi Menteri Kabinet wanita pertama Malaysia dengan portfolio Menteri Kebajikan Masyarakat sehingga tahun 1973.

Jiwa yang sentiasa berkobar-kobar untuk memperjuangkan dan mempertingkatkan taraf hidup wanita serta untuk memastikan isu-isu mereka diambil secara serius, Fatimah bergabung dengan pemimpin NGO untuk memberi sokongan menubuhkan Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (NCWO) pada tahun 1960. NCWO telah dilancarkan secara rasmi pada tahun 1963 dengan beliau menjadi presiden kedua. Fatimah berjuang bersama NCWO selama 24 tahun sehingga persaraannya pada tahun 1989.

Sebagai ahli politik, Menteri Kabinet dan Presiden NCWO, Fatimah berjaya mendapatkan pindaan kepada undang-undang dan perlembagaan yang berkaitan hak-hak wanita. Bersama-sama dengan pemimpin-pemimpin wanita NGO, beliau kemudiannya berjuang untuk mendapatkan taraf gaji sama dengan kaum lelaki sekali gus dapat menukar status wanita sebagai kakitangan tetap di tempat kerja mereka. Kehadiran Fatimah dalam Kabinet dan sebagai Menteri Kebajikan selama empat tahun, telah membuka peluang kepada wanita lain untuk terus memperjuangkan hak-hak wanita.

Walaupun kadangkala masanya agak terbatas dengan kerja-kerja rasmi sebagai Menteri, Fatimah masih 'mencuri' masa untuk bergiat aktif bersama kumpulan-kumpulan lain serta persatuan sosial. Antaranya, menjadi ahli majlis Universiti Malaya, Hospital Assunta, Maktab Latihan Perguruan Wanita Ipoh serta menjadi Naib Presiden Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM).

TUN Tan Sri Dr Fatimah Haji Hashim was both an activist and politician, and within her two roles she successfully managed to put forward women's issues and agendas. Her active involvement opened doors and achieved milestones that cemented the foundation for today's women's rights advocates, whether via politics, the government or NGOs.

Well known as Malaysia's first woman cabinet minister, Fatimah was an active leader in social work since her early youth. She headed many associations at the school level, leading her peers in various efforts from vegetable farming to inter-school physical activities.

Fatimah's first foray into politics began when she joined Kaum Ibu UMNO in 1947 at the tender age of 21, beginning as treasurer of the Johor Branch. In 1956, she moved to Perak to join her husband Tan Sri Abdul Kadir Yusof, the then Deputy Public Prosecutor and became head of the Kaum Ibu Ipoh and Perak state branches. In that very same year, she took the place of Khadijah Sidek as the president of the entire Kaum Ibu movement. This would gradually lead to her selection as an UMNO Vice President and her placement within the UMNO Supreme Council.

In 1959, after Kaum Ibu had convinced the leadership to field women candidates, Fatimah was nominated and won the Jitra-Padang Terap seat, retaining it for the next 15 years. As a result, 10 years later in 1969, Fatimah would be selected by Prime Minister Tunku Abdul Rahman to become the first woman cabinet minister with the portfolio of Minister of Welfare Services from 1969 to 1973.

Always keen to enhance the lives of women and to ensure that women's issues were taken seriously, Fatimah and NGO leaders collaborated to set up the National Council of Women's Organisations (NCWO) in 1960. NCWO was inaugurated in 1963 and Fatimah became its second president, serving for the next 24 years until her retirement in 1989.

As politician, cabinet minister and president of NCWO, Fatimah achieved legislative and constitutional amendments pertaining to the rights of women. Along with other women NGO leaders, she fought for women to receive equal salaries and changed the status of working women to become permanent staff at the workplace. Fatimah's presence in the Cabinet, where she was Welfare Services Minister for four years certainly opened doors for other women to continue to champion women's causes.

Yet, not one to be limited by her official roles, Fatimah also found time to be part of other groups and social associations, and was a council member at University Malaya, Assunta Hospital, Women Teacher's Training College Ipoh, and was for a time the vice-president of the Malaysian Red Crescent Soceity (MRCS).

Tan Sri Datin Paduka Sri Hajah Zaleha Ismail (1989-2003)



TAN Sri Datin Paduka Sri Hajah Zaleha Ismail mungkin paling diingati kerana kelantangan beliau mengkritik pasukan polis berikutan sikap acuh tak acuh mereka terhadap aduan keganasan rumah tangga, ketika beliau memegang jawatan sebagai Yang di Pertua ketiga Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita (NCWO).

Jalan kearah menyelesaikan masalah jenayah keganasan rumah tangga, tidak semudah yang disangka, kata Zaleha.

"Saya masih ingat lagi bagaimana ia (isu keganasan rumah tangga) dibincangkan di Parlimen sehingga tengah malam sebelum Akta Keganasan Rumahtangga diluluskan. Beberapa Ahli Parlimen lelaki berkeras tidak mahu menyokong, "kata Zaleha, yang ketika itu Menteri Pembangunan Sosial dan Perpaduan Negara selama empat tahun dari 1995.

Akta Keganasan Rumah Tangga akhirnya diluluskan Parlimen pada 1994, tujuh tahun selepas NCWO menyerahkan draf memorandum undang-undang tersebut. Bagaimanapun, ia telah mengambil masa dua tahun lagi sebelum dikuatkuasa sepenuhnya. Dalam pada itu, NCWO terpaksa bergelut dengan pelbagai masalah diperingkat awal, termasuk terpaksa berurusan dengan polis yang tidak menunjukkan simpati dan serius ketika mengambil laporan keganasan rumah tangga.

"Ada kes yang tidak dilayan dengan sepatutnya dan telah dilaporkan kepada kami (NCWO)," kata Zaleha.

Beliau memetik kes di mana seorang wanita telah dipukul oleh suaminya, seorang anggota polis. "Apabila wanita itu membuat laporan di balai polis, tiada siapa yang mahu melayannya kerana anggota-anggota polis di situ rakan-rakan suaminya," kata pembela hak asasi wanita dan ahli politik berpengalaman luas, berusia 77 tahun ini.

Kedudukan beliau sebagai Menteri Kabinet, tambahnya, berjaya mengatasi sebilangan besar masalah. Sebagai Menteri yang menjaga hal ehwal wanita, Zaleha telah menggunakan kedudukan beliau untuk mengetengahkan isu-isu mengenai wanita dalam media. "Alhamdullilah kedudukan saya sebagai seorang Menteri membuat segala kerja-kerja itu lebih mudah untuk digerakkan."

Perang mulut antara Zaleha dan Ketua Polis Negara (ketika itu) Tan Sri Rahim Noor adalah contoh terbaik. Beliau lantang menentang Polis DiRaja Malaysia yang kurang memberi kerjasama ke arah mangsa keganasan domestik manakala Rahim kelihatan berdiri teguh membela orang bawahannya.

"Saya tidak tahu bagaimana dia boleh menafikannya. Terdapat 80,000 anggota polis di negara ini, dan mustahli beliau tahu segala-galanya yang berlaku."

Kontroversi itu akhirnya mendapat kesan positif. Dengan media berulangkali memainkan isu itu, pihak polis kemudian mempertingkatkan serta memberi kerjasama yang lebih baik kepada mangsa keganasan rumah tangga.

Bagaimanapun, selama 14 tahun berjuang bersama NCWO, Zaleha berkata, tidak semua pengalaman yang dilaluinya pahit atau penuh dengan kontroversi dan kekecewaan sahaja. Kenangan paling manis apabila ada keakraban dan semangat setiakawan yang jelas dipaparkan di kalangan wakil-wakil ahli gabungan NCWO sepanjang perjuangan beliau bersama mereka.

"Saya amat berasa bangga melihat kejayaan yang NCWO telah kecapi setiap kali menjelang Hari Wanita."

Zaleha, bagaimanapun menambah, tokoh yang sentiasa menyokong usaha beliau dalam kerja-kerja kebajikan dan sosial adalah bapanya. "Bapa saya, seorang Ketua kampong. Beliau membuat saya berminat dengan kerja2 kebajikan dan sosial seawal usia sembilan tahun. Dan saya tidak pernah menjengkuk ke belakang, sejak itu."

TAN Sri Datin Paduka Sri Hajah Zaleha Ismail is perhaps best remembered for her strident criticisms against the police force for its lackadaisical attitude towards complaints of domestic violence, during her tenure as the third president of the National Council of Women's Organisations (NCWO).

The road leading to criminalising domestic violence had been a tough one, said Zaleha.

"I remember having discussed the domestic violence issue until midnight in Parliament before the Domestic Violence Act was passed. Some of the men were totally against it," said Zaleha, who was also the National Unity and Social Development Minister between 1995 and 1999.

The Domestic Violence Act was eventually passed by Parliament in 1994, seven years after NCWO had handed over a memorandum of the draft law, but it took another two years before it was enforced. Even then NCWO had to grapple with teething problems, including having to deal with unsympathetic policemen who didn't take domestic violence reports seriously.

"Cases were not properly treated and they were reported to us (NCWO)," said Zaleha.

She cited a case where a woman had been beaten up by her husband who was a policeman. "When the woman lodged a report at the police station, nobody entertained her as the personnel there were her husband's colleagues," added the 77-year-old women's advocate and seasoned politician.

This was where her ministerial post came in handy. As Minister in charge of women's affairs, Zaleha had used her position to highlight issues concerning women in the media. "I must say the fact that I was a Minister made it a little bit easier to get things moving."

The war of words between Zaleha and then Inspector-General of Police Tan Sri Rahim Noor is a case in point. She had been vocal about the police being uncooperative towards victims of domestic violence while Rahim steadfastly stood by his men.

"How could he have denied it? There were 80,000 policemen in the country; he couldn't have known everything that happened."

Still the controversy had a positive impact. As a result of the media playing up the issue, the police force was reported to have stepped up and given better cooperation towards victims of domestic violence.

The 14 years in NCWO, noted Zaleha, were not all filled with controversies and frustrations. The camaraderie and esprit de corps displayed among representatives of NCWO affiliates were some the highlights of her time there.

"I would feel the proudest during Women's Day celebrations each year. It's simply wonderful to see just how much we've achieved."

Zaleha said she would always be grateful to her father for instilling in her the importance of social work. "My father, who was a headman of his village, got me interested at the age of nine. And I haven't stopped since."

Prof Tan Sri Dato' Seri Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin (2000-)



KERJAYA cemerlang Profesor Tan Sri Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin dalam perubatan, pendidikan dan pembangunan wanita, didorong dalam mesej daripada Perdana Menteri Pertama Malaysia, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra AlHaj, yang mengingatkanya untuk "menjaga negara ini sebagai seorang ibu, isteri, intelektual dan patriot."

Mesej itu telah menyuntik semangat Sharifah Hapsah untuk mencatatkan kejayaan demi kejayaan dalam bidang perubatan, pendidikan dan pembangunan wanita. Penghargaan harus diberikan kepadanya kerana pembangunan rangka kerja jaminan kualiti bagi semua kelayakan di Malaysia. Sebagai Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), yang disandangnya sejak 2006, Sharifah Hapsah telah membangunkan program transformasi bagi UKM, khususnya dalam pengkomersialan penyelidikan dan pengenalan program-program inovatif untuk pembangunan modal insan. Sebelum ini, beliau telah memegang jawatan sebagai Pengarah Pusat Pembangunan Akademik UKM, Ketua Jabatan Pengajian Perubatan, UKM dan juga salah seorang daripada lembaga Persatuan Pendidikan Perubatan WHO, Rantau Pasifik Barat.

Beliau juga telah banyak menggabung dan menyumbang secara sukarela, kerjayanya dalam bidang perubatan dan kerja sosial. Ketika bersama NCWO, beliau membantu untuk mengukuhkan projek penglibatan masyarakat di UKM serta menasihati Kerajaan mengenai isu-isu wanita dan gender. Beliau berperanan utama mendapat maklumbalas wanita akar umbi untuk membangunkan Dasar Wanita Negara dan pindaan undang-undang berkaitan rogol.

Semuanya bermula apabila Sharifah Hapsah menjadi salah seorang daripada beberapa wanita dari Fakulti Perubatan Universiti Malaya yang berjaya menamatkan pengajian dan menjadi seorang doktor pada tahun 1973. Baginya, adalah menjadi semulajadi untuk seorang wanita dan juga ibu, yang telah membantu menangani isu-isu berkaitan wanita dan menjadi Presiden Pengasas Kelab Wanita Fakulti Perubatan UKM. Hasil daripada itu, beliau dan teman-teman perjuangan sealiran, membantu membentuk sebuah pusat penjagaan kanak-kanak dan pra-sekolah untuk kemudahan ibu-ibu bekerja, serta nurseri untuk menggalakkan penyusuan di kalangan ibu-ibu. Usaha beliau yang murni ini, adalah ekoran kemampuan beliau mengimbangi tuntutan kerjayanya, keluarga dan kerja-kerja sosial yang dilakukannya.

Selain dedikasi serta kecemerlangan pencapaiannya dalam bidang yang diceburi, Sharifah Hapsah juga seorang penulis dan kolumnis dalam pelbagai media dengan memberi tumpuan kepada isu-isu pendidikan, kesihatan dan gender. Beliau telah menerima banyak pengiktirafan di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa. Antaranya termasuk Fred Kartz Memorial Medal dan COL-ICDE Award Of Excellence. Beliau adalah Naib-Cancelor yang paling banyak menerima anugerah, setelah menerima lima anugerah doktor falsafah kehormat daripada universiti-universiti Asia, Eropah dan Amerika Syarikat.

PROFESSOR Tan Sri Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin's lifelong and distinguished career in medicine, education and womens' development, is encapsulated in an early message from the first prime minister of Malaysia, Tunku Abdul Rahman, who reminds of her duty to "take care of this nation as a mother, wife, intellectual and patriot."

With that guiding message, Sharifah Hapsah has more than carved out milestone after milestone of parallel achievements in medicine, education and women's development. She is credited for the development of the quality assurance system and framework for all qualifications in Malaysia. As Vice-Chancellor of Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), a post she has held since 2006, Prof. Sharifah Hapsah developed a transformation programme for UKM, specifically in the commercialisation of research output and the introduction of innovative programmes for human capital development. Prior to this, she had held the post of the director of UKM's Academic Development Centre, head of the Medical Education Department of UKM and part of the board of the Association for Medical Education in WHO, Western Pacific Region.

She has also successfully combined her medical career with volunteer and social activism work. With NCWO, she helped to strengthen community engagement projects at UKM as well as to advise the government on women and gender issues. She was instrumental in getting feedback from grassroot women in developing the NCWO National Policy on Women as well as legal changes pertaining to rape.

It all began when Sharifah Hapsah was one of the few women from the University of Malaya's medical faculty to graduate and become a doctor in 1973. To her, it was only natural being a woman and mother herself and climbing the ladder of success, to deal with issues concerning women and gender issues. This later led to her involvement in the setting up of the women's club in UKM's medical faculty. As a result of this, she and like-minded members helped to form a child-care and pre-school centre to ease the demands of the working mother, as well as a breast-feeding nursery to promote breast-feeding among mothers. It is this insight and empathy that has enabled her to balance the demands of her career, family and social work.

In addition to her wholehearted dedication, and achievement, Sharifah Hapsah is a prolific writer and a columnist in the media focusing on education, health and gender issues. She has received numerous international and national recognitions, including the Fred Kartz Memorial Medal and the COL-ICDE Award of Excellence.

She is also the most decorated Vice-Chancellor, having received five honorary doctorate from Asian, European and American Universities.



AJK Hari Wanita 1962 yang pertama di anggotai oleh ahli Pergerakan Kaum Ibu Umno, Dewan Muslimat PAS, Wanita Rakyat, MCA Bahagian Wanita, MIC Bahagian Wanita, Persatuan Wanita Kristian Malaysia (YWCA), St. John's Ambulance Brigade, Persatuan Wanita Asia & Pacific (PPSEAWA), YWIA dan Persatuan Wanita Antarabangsa (IWA)
The first Women's Day Committee 1962 comprises members of Kaum Ibu Umno movement, Women Section of PAS, Women of Parti Rakyat, MCA Women Section, MIC Women Section, Young Women Christian Association (YWCA), St. John's Ambulance Brigade, Association of Asia and Pacific Women (PPSEAWA), YWIA and International Women's Association (IWA)

PENCAPAIAN
MILESTONES

PADA 29 Januari 2013 Majlis Kebangsaan Pertubuhan–Pertubuhan Wanita Malaysia menyambut 50 tahun pemerkasaan wanita. Sejak penubuhannya pada tahun 1963, majlis ini yang terdiri daripada 120 badan gabungan telah banyak berjasa meningkatkan kedudukan wanita di Malaysia. Di sini dirakamkan antara kejayaan Majlis ini dalam tempoh 50 tahun. Pencapaian ini merupakan landasan yang kukuh bagi penyertaan serta sumbangan wanita dalam Program Transformasi Negara ke arah matlamat negara berpendapatan tinggi dan ekonomi yang terangkum dan mampan pada tahun 2020.

ON the 29th of January 2013 the National Council of Women's Organisations Malaysia (NCWO) celebrated 50 years of Women's Empowerment. Since its historic inception in 1963, the umbrella body comprising 120 women's organisations has achieved much in raising the status of Malaysian women. Here are some of the highlights of NCWO's achievements in the last 50 years. They form the foundation for women's participation in the National Transformation Programme towards becoming a high-income, inclusive and sustainable economy by 2020.

Penubuhan NCWO / The Establishment of NCWO (1960-1963)

1960

Penubuhan Jawatan kuasa Protem NCWO.
Protem committee of NCWO established in 1961.

1961

Jawatankuasa Protem menganjurkan bengkel "Cabaran Masa Depan" bersama dengan lapan NGO.
Protem Committee organised a Workshop on "Challenges Ahead" with eight women NGOs.

1962

• Pengisytiharan Hari Wanita pada 25hb Ogos oleh Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj.
Declaration of Women's Day on 25th August by Prime Minister Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj.

1963

• Pendaftaran NCWO sebagai badan induk pertubuhan wanita berfungsi sebagai perunding dan penasihat.
NCWO was registered to serve as the country's main functioning women NGO as a coordinating, consultative and advisory body.

Pencapaian Awal / Initial Achievements (1965-1969)

1965

